



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBINAAN MODEL KOMPETENSI AMIL ZAKAT DI POLITEKNIK MALAYSIA

AMMAR BADRUDDIN BIN ROMLI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBINAAN MODEL KOMPETENSI AMIL ZAKAT DI POLITEKNIK
MALAYSIA

AMMAR BADRUDDIN BIN ROMLI

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



Sila tanda (v)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **23** (hari bulan) **MAC** (bulan) **2023**.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **AMMAR BADRUDDIN BIN ROMLI, P20191000169, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (FSK)** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PEMBINAAN MODEL KOMPETENSI AMIL ZAKAT DI POLITEKNIK MALAYSIA** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF. MADYA DR. MOHD NOOR BIN DAUD** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PEMBINAAN MODEL KOMPETENSI AMIL ZAKAT DI POLITEKNIK MALAYSIA** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH SYARIAH**.

21.3.2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

**PEMBINAAN MODEL KOMPETENSI AMIL ZAKAT
DI POLITEKNIK MALAYSIA**

No. Matrik /Matric's No.:

P20191000169

Saya / I :

AMMAR BADRUDDIN BIN ROMLI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: **2 FEB 2023**

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT lantaran keizinan dan rahmatNya, pengkaji mendapat kekuatan untuk menyiapkan penulisan tesis ini. Ucapan penghargaan terima kasih ini tidak lengkap tanpa ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang telah menaja biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) sepanjang tiga tahun tempoh pengajian pengkaji. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) yang menyokong serta menyediakan dokumentasi bagi melancarkan lagi urusan kajian ini dilakukan.

Sejuta penghargaan dan ucapan terima kasih buat Prof. Madya Dr. Mohd Noor Daud selaku penyelia tesis ini. Pelbagai ilmu, maklumat dan perkongsian pengalaman telah penulis perolehi hasil daripada bimbingan, tunjuk ajar dan cadangan beliau sepanjang proses penulisan tesis ini. Semoga segala bantuan dan kebaikan mendapat ganjaran yang terbaik di sisi Allah SWT. Setinggi-tinggi penghargaan juga buat amil dari Unit Pengurusan Zakat di Politeknik Ungku Omar, Politeknik Sultan Azlan Shah, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah dan Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah. Pengkaji begitu berhutang budi di atas kesediaan dan kesudian mereka membantu berkongsi maklumat dan pengalaman melalui temu bual yang telah dijalankan.

Ucapan penghargaan turut pengkaji tujukan buat pihak Jabatan Pengajian Islam Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK) dan Institut Pengajian Siswazah (IPS), Universiti Pendidikan Sultan Idris, di atas segala kemudahan dan bantuan yang disediakan. Juga ucapan terima kasih buat Prof. Dr. Mohd Aderi Che Noh dan Prof. Dr. Azman Ab Rahman pensyarah kanan USIM, Dr. Ahmad Firdaus Mohd Noor pensyarah kanan UiTM dan Dr. Ahmad Fkrudin Yusoff pensyarah utama PUO yang banyak memberi panduan dan semangat.

Ucapan terima kasih yang teristimewa buat adinda isteri tercinta, Dr. Azhana Zulkefli, di atas perkongsian ilmu, idea, sokongan dan kata-kata semangat tatkala kebuntuan melanda. Buat ayahanda dan bonda tersayang, Hj. Romli Saad dan Hj. Fadzilah Zawawi, bonda mertua Hj. Kama Ramli, yang tidak putus-putus mendoakan kejayaan anakanda, setinggi-tinggi penghargaan anakanda ucapkan, jua anak-anak Aisyah Insyirah, Afham Wafiy dan Anas Safwan yang telah menyerikan hidup ini.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan konsep amil menurut fuqaha dalam pengurusan zakat serta menganalisis konsep kompetensi profesionalisme amil zakat dan amalan kompetensi amil zakat cemerlang politeknik bagi menghasilkan model kompetensi amil zakat di politeknik Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berbentuk kajian kes menerusi instrumen temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data. Seramai empat orang amil, empat orang ketua unit zakat, lapan orang asnaf dan lapan orang muzakki telah dipilih menerusi persampelan bertujuan sebagai informan kajian. Data verbatim temu bual merupakan data utama yang disokong oleh data pemerhatian dan analisis dokumen. Semua data dianalisis menggunakan perisian N'Vivo 12 Pro bagi menetapkan tema dan sub-sub tema. Dapatan kajian menunjukkan amil berperanan dalam mengutip dan mengagihkan zakat yang memerlukan ciri-ciri kualiti keperibadian, keilmuan, kemahiran, inovasi, serta perkhidmatan dan konsultasi yang signifikan. Kelima-lima ciri tersebut menjadi pola yang membentuk amalan kompetensi amil cemerlang politeknik sehingga menghasilkan lima model amil kompeten politeknik Malaysia, iaitu Model Amalan Kompetensi Kualiti Keperibadian Amil Politeknik, Model Amalan Kompetensi Keilmuan Amil Politeknik, Model Amalan Kompetensi Kemahiran Amil Politeknik, Model Amalan kompetensi Inovasi Amil Politeknik, serta Model Amalan Kompetensi Perkhidmatan dan Konsultasi Amil Politeknik. Kesimpulannya, kualiti keperibadian, keilmuan, kemahiran, inovasi, dan perkhidmatan dan konsultasi perlu disepadukan sebagai jati diri amil yang utuh bagi memastikan mereka mampu melaksanakan peranan dengan cemerlang. Implikasi dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan kepada amil zakat di politeknik Malaysia, Institusi Pengajian Tinggi, serta amil di institusi-institusi zakat negeri.



DEVELOPMENT OF `ĀMIL COMPETENCIES MODEL IN MALAYSIAN POLYTECHNIC

ABSTRACT

This study aims to examine the jurists' explanations of the concept of āmil in the zakat management and to analyze the concept of professionalism in zakāt `āmil and the competence practices among excellent zakat collectors in polytechnics to develop a competency model for zakāt `āmil in Malaysian polytechnics. This study uses a qualitative approach in the form of a case study through interviews, observations and document analyses as data collection methods. A total of four `āmils, four heads of zakāt units, eight asnafs and eight muzakkis were purposively selected as informants in this study. The verbatim interview data is the main data supported by data from observation and document analysis. All data were analyzed using N'Vivo 12 Pro software to identify themes and sub-themes. The findings of this study show that the role of āmil in collecting and distributing zakat requires the characteristics of personality, knowledge, skills, innovation, as well as significant service and consultation. These five characteristics become a pattern that forms the excellent āmil competency practice among polytechnics' āmils resulting in five competent Malaysian polytechnics' āmils' models, namely the Model for Polytechnic's Amil Personality Quality Competency Practice, the Model for Polytechnics' Amil Scholarly Competency Practice, the Model for Polytechnics' Amil Skills Competency Practice, the Model for Polytechnics' Amil Innovation Competency Practice, as well as Model for Polytechnics' Amil Service and Consultation Competency Practice. In conclusion, the quality of personality, knowledge, skills, innovation, and service and consultation need to be integrated as a whole identity of `āmils to ensure that they can perform their roles with excellence. The implications of the findings of this study can serve as a guide for zakāt `āmil in Malaysian polytechnics, tertiary institutions as well as government zakat institutions.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xx
SENARAI LAMPIRAN	xxii
SENARAI TRANSLITERASI	xxiii
SENARAI STATUT	xxvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Penyelidikan	2
1.3 Sorotan Literatur	9
1.3.1 Peranan dan Amalan Profesionalisme Amil	9
1.3.2 Peranan Amil dalam Pengurusan zakat IPT	13
1.3.3 Amalan Kompetensi Amil	16
1.4 Pernyataan Masalah	29

1.4.1	Ketandusan Integriti Amil Mengikis Kepercayaan Masyarakat Terhadap Institusi Zakat	30
1.4.2	Keterbatasan Ilmu Pengetahuan Merencatkan Peranan Amil Terhadap Masyarakat	34
1.4.3	Penguasaan Kemahiran yang Terhad Telah Menjejaskan Kualiti Tadbir Urus Zakat	37
1.5	Objektif Kajian	42
1.6	Persoalan Kajian	42
1.7	Kerangka Teori Kajian	43
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	46
1.9	Kepentingan Kajian	47
1.10	Batasan Kajian	49
1.10.1	Responden	50
1.10.2	Lokasi Kajian	50
1.10.3	Fokus Kajian	51
1.11	Definisi Operasi	51
1.11.1	Kompetensi	52
1.11.2	Amil	52
1.12	Metodologi Kajian	53
1.12.1	Pendekatan Kajian	54
1.12.2	Pemilihan Sampel Kajian	56
1.12.3	Prosedur Pengumpulan Data	57
1.12.3.1	Kajian Perpustakaan	58
1.12.3.2	Pengumpulan Data Temu Bual	59



1.12.3.3	Pengumpulan Data Pemerhatian	59
1.12.3.4	Pengumpulan Data Analisis Dokumen	60
1.12.4	Kaedah Menganalisis Data	62
1.12.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	64
1.12.5.1	Kajian Rintis	66
1.12.5.2	Triangulasi Data	67
1.12.5.3	Nota Lapangan dan Diari Pengkaji	67
1.12.5.4	Pengesahan Responden Terhadap Data Temu Bual	68
1.12.5.5	Pengesahan Pakar Terhadap Tema Melalui Cohen Kappa	68
1.13	Rumusan	69



BAB 2 KONSEP AMIL DAN PERANANNYA DALAM PENGURUSAN ZAKAT



2.1	Pendahuluan	70
2.2	Pensyariatan Ibadah Zakat	71
2.2.1	Dalil al-Quran	72
2.2.2	Dalil Sunah Rasulullah SAW	74
2.3	Amil Dalam Ibadah Zakat	77
2.3.1	Pengertian Asnaf Amil	79
2.3.2	Amil Menurut al-Quran dan al-Sunnah	80
2.3.3	Tugas Amil Menurut Tafsiran Para Fuqaha	82
2.3.4	Syarat-Syarat Pelantikan Amil	89
2.3.5	Peranan Amil Pada Zaman Rasulullah SAW	99



2.3.6	Peranan Amil Pada Zaman Para Sahabat RA dan Tābicīn	103
2.4	Pengurusan Zakat di Malaysia	109
2.4.1	Sejarah Pengurusan Zakat di Malaysia	109
2.4.2	Peranan Amil zakat di Malaysia	112
2.5	Wakalah Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi	117
2.5.1	Konsep Wakalah Pengurusan Zakat	118
2.5.2	Amalan Wakalah Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi	121
2.6	Pengurusan Zakat di Politeknik	127
2.6.1	Latar Belakang Pengurusan Zakat Politeknik	128
2.6.2	Kaedah Pelantikan Amil Politeknik	135
2.6.3	Peranan Amil Politeknik	136
2.7	Rumusan	139

BAB 3 KOMPETENSI PROFESIONALISME AMIL ZAKAT

3.1	Pendahuluan	141
3.2	Konsep Kompetensi Profesionalisme Cemerlang	142
3.2.1	Sejarah Perkembangan Konsep Kompetensi Profesionalisme Cemerlang	143
3.2.2	Kompetensi Dalam Islam	146
3.2.3	Model Kompetensi Menurut Sarjana Muslim	153
3.2.4	Model Kompetensi Menurut Sarjana Barat	168
3.3	Kompetensi Amil Cemerlang	175
3.3.1	Kompetensi dalam Aspek Keperibadian	176
3.3.2	Kompetensi dalam Aspek Keilmuan	181
3.3.3	Kompetensi dalam Aspek Kemahiran	185

3.3.4	Kompetensi dalam Aspek Inovasi	191
3.3.5	Kompetensi dalam Aspek Perkhidmatan dan Konsultasi	196
3.4	Rumusan	197

BAB 4 AMALAN KOMPETENSI AMIL CEMERLANG DI POLITEKNIK MALAYSIA

4.1	Pendahuluan	198
4.2	Latar Belakang Responden Utama	199
4.2.1	Latar Belakang Amil	199
4.3	Dapatan Analisis Tema untuk Pengekodan Terbuka (Open Coding)	206
4.3.1	Kualiti Keperibadian	206
4.3.1.1	Akhlak	207
4.3.1.2	Kualiti Komunikasi	231
4.3.1.3	Penampilan	240
4.3.2	Keilmuan	245
4.3.2.1	Kepakaran Ilmu Zakat	246
4.3.2.2	Pengamalan Ilmu Secara Umum	249
4.3.2.3	Kaedah Mendalami Ilmu	256
4.3.3	Kemahiran	257
4.3.3.1	Kemahiran Kutipan	257
4.3.3.2	Kemahiran Agihan	263
4.3.3.3	Kemahiran Pengurusan	268
4.3.3.4	Kemahiran Aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)	272

4.3.4	Inovasi	277
4.3.5	Perkhidmatan dan Konsultasi	281
4.4	Dapatan Analisis Tema untuk Pengekodan Berpaksi (Axial Coding)	283
4.4.1	Koding Axial Kualiti Keperibadian	284
4.4.2	Koding Axial Keilmuan	286
4.4.3	Koding Axial Kemahiran	288
4.4.4	Koding Axial Amalan Inovasi	290
4.4.5	Koding Axial Amalan Perkhidmatan dan Konsultasi	291
4.5	Dapatan Analisis Tema untuk Koding Terpilih (Selective Coding)	293
4.6	Rumusan	295

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	296
5.2	Kesimpulan	296
5.2.1	Konsep Amil Zakat Menurut Fuqaha dan Peranannya dalam Pengurusan Zakat	297
5.2.2	Konsep Kompetensi Profesionalisme Amil Zakat di Malaysia	302
5.2.3	Amalan Kompetensi Amil Cemerlang Politeknik Malaysia	308
5.2.3.1	Amalan Kompetensi Amalan Kualiti Keperibadian	308
5.2.3.2	Amalan Kompetensi Amalan Keilmuan	311
5.2.3.3	Amalan Kompetensi Amalan Kemahiran	312
5.2.3.4	Amalan Kompetensi Amalan Inovasi	314
5.2.3.5	Amalan Kompetensi Amalan Perkhidmatan dan Konsultasi	315

5.3	Model Kompetensi Amil Zakat di Politeknik Malaysia	317
5.3.1	Model Amalan Kompetensi Amalan Kualiti Keperibadian	318
5.3.2	Model Amalan Kompetensi Amalan Keilmuan	319
5.3.3	Model Amalan Kompetensi Amalan Kemahiran	320
5.3.4	Model Amalan Kompetensi Amalan Inovasi	321
5.3.5	Model Amalan Kompetensi Amalan Perkhidmatan dan Konsultasi	322
5.3.6	Model Utama Kompetensi Amil Politeknik	323
5.4	Cadangan	325
5.4.1	Memperkasa Peranan Amil dalam Pengurusan Zakat di Politeknik	325
5.4.2	Mewujudkan Garis Panduan Pelantikan Amil Politeknik	326
5.4.3	Membudayakan Inovasi dalam Pengurusan Zakat	327
5.4.4	Meningkatkan Kompetensi Amil Melalui Perancangan Latihan yang Rapi	327
5.4.5	Menyediakan Panduan bagi Mengukur Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Amil	328
5.4.6	Menubuhkan Majlis Permuafakatan Amil Politeknik Malaysia	329
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	329
5.5.1	Kajian baru Melibatkan Metodologi yang Berbeza	330
5.5.2	Kajian Tentang Kemahiran Amil Secara Khusus	330
5.5.3	Kajian Pembinaan Modul Kompetensi Amil Politeknik	330
5.6	Rumusan	331
	RUJUKAN	332

LAMPIRAN

359



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Senarai Pakar Bidang dan Pakar Kualitatif bagi Analisis Persetujuan Tema	64
1.2 Indikator Tahap Persetujuan <i>Cohen Kappa</i>	69
2.1 Tugas Amil Menurut Tafsiran Fuqaha Klasik	84
2.2 Kategori Amil yang Layak Menerima Zakat menurut Fuqaha Klasik	86
2.3 Tugas Amil menurut Ulama Fiqh Kontemporari	88
2.4 Definisi Asnaf Amil menurut MAIN dan Institusi Zakat di Malaysia	113
2.5 Unit Pengurusan Zakat IPT di Malaysia	121
2.6 Bilangan Amil Zakat Harta dan Amil Zakat Fitrah di Politeknik Malaysia pada Tahun 2021	129
4.1 Perbandingan Latar Belakang Amil Cemerlang	200
4.2 Kualiti Keperibadian Amil Cemerlang di POLI1-POLI4	207
4.3 Akhlak Amil Cemerlang di POLI1-POLI4	207
4.4 Akhlak Amil Cemerlang Terhadap Allah SWT di POLI1-POLI4	208
4.5 Akhlak Amil Cemerlang Terhadap Diri Sendiri di POLI1-POLI4	213



4.6	Akhlak Amil Cemerlang Terhadap Muzakki di POLI1-POLI4	219
4.7	Akhlak Amil Cemerlang Terhadap Asnaf di POLI1-POLI4	225
4.8	Komunikasi Amil Cemerlang di POLI1-POLI4	232
4.9	Kualiti Komunikasi Lisan Amil Cemerlang di POLI1-POLI4	232
4.10	Komunikasi Bukan Lisan Amil Cemerlang di POLI1-POLI4	238
4.11	Penampilan Amil Cemerlang di POLI1-POLI4	240
4.12	Rupa Diri Amil Cemerlang di POLI1-POLI4	241
4.13	Kekemasan Ruang Kerja Amil Cemerlang di POLI1-POLI4	244
4.14	Keilmuan Amil Cemerlang di POLI1-POLI4	246
4.15	Kepakaran Ilmu Zakat Amil Cemerlang di POLI1-POLI4	246
4.16	Pengamalan Ilmu Secara Umum oleh Amil Cemerlang di POLI1-POLI4	249
4.17	Kaedah Amil Cemerlang Mendalami Ilmu di POLI1-POLI4	256
4.18	Aspek Kemahiran Amil Cemerlang di POLI1-POLI4	257
4.19	Kemahiran Kutipan Amil Cemerlang di POLI1-POLI4	258
4.20	Kemahiran Agihan Amil Cemerlang di POLI1-POLI4	264
4.21	Kemahiran Pengurusan Amil Cemerlang di POLI1-POLI4	268
4.22	Kemahiran Aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) Amil Cemerlang di POLI1-POLI4	272
4.23	Amalan Inovasi Amil Cemerlang di POLI1-POLI4	277



4.24 Amalan Perhidmatan dan Konsultasi Amil Cemerlang di POLI1-POLI4 282





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teoritikal Kajian Pengamalan Kompetensi Amil Zakat Politeknik Malaysia.	43
1.2 Kerangka Konseptual Kajian Pengamalan Kompetensi Amil Zakat Politeknik Malaysia.	47
1.3 Persampelan Kajian Kompetensi Amil Zakat Politeknik Malaysia	57
1.4 Prosedur Pengumpulan Data Kajian Kompetensi Amil Zakat Politeknik Malaysia	62
1.5 Prosedur Analisis Data Kajian Kompetensi Amil Zakat Politeknik Malaysia	63
2.1 Kategori Amil Zakat di Malaysia	116
2.2 Struktur Agihan Zakat IPT	124
2.3 Proses Kutipan dan Agihan Zakat di PUO	131
2.4 Struktur Organisasi Pengurusan Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat Politeknik (JTAZP).	132
2.5 Struktur Organisasi bagi Operasi Kutipan dan Agihan Zakat Politeknik	133
2.6 Bidang Tugas Kutipan Zakat yang Dilakukan oleh Amil Politeknik.	137
2.7 Bidang Tugas Agihan Zakat yang Dilakukan oleh Amil Politeknik.	139
3.1 Model Kompetensi al-Ghazali	153



3.2	Model Kompetensi Individu Rabbani	156
3.3	Model Ciri Kompetensi Muslim	159
3.4	Model Kompetensi Eksekutif Muslim	161
3.5	Model Kompetensi Penjawat Awam	163
3.6	Model Ciri Amil Zakat Profesional	164
3.7	Model Kompetensi Amil Zakat Bersepadu	166
3.8	Model Kompetensi Iceberg	169
3.9	Model Kompetensi Segi Tiga Kejayaan	170
3.10	Model Kompetensi Berasaskan Pengurusan	171
3.11	Model Kompetensi Pengurus Perniagaan	172
3.12	Model Kompetensi Pengurus Organisasi	173
4.1	Koding Axial Kompetensi Kualiti Keperibadian Amil Cemerlang POLI1-POLI4	284
4.2	Koding Axial Kompetensi Keilmuan Amil Cemerlang POLI1-POLI4	286
4.3	Koding Axial Kompetensi Kemahiran Amil Cemerlang POLI1-POLI4	288
4.4	Koding Axial Kompetensi Inovasi Amil Cemerlang POLI1-POLI4	290
4.5	Koding Axial Kompetensi Perkhidmatan dan Konsultasi Amil Cemerlang POLI1-POLI4	291
4.6	Koding Terpilih Amalan Kompetensi Amil Zakat Cemerlang POLI1-POLI4	293
5.1	Model Kompetensi Kualiti Keperibadian Amil Politeknik	318

5.2	Model Kompetensi Keilmuan Amil Politeknik	319
5.3	Model Kompetensi Kemahiran Amil Politeknik	320
5.4	Model Kompetensi Inovasi Amil Politeknik	321
5.5	Model Kompetensi Perkhidmatan dan Konsultasi Amil Politeknik	322
5.6	Model Kompetensi Amil Politeknik Malaysia	323

SENARAI SINGKATAN

et al.	<i>et alia</i>
APC	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
h.	Halaman
ibid	<i>ibidem</i>
IPT	Institut Pengajian Tinggi
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
Jil.	Jilid
LZNK	Lembaga Zakat Negeri Kedah
LZS	Lembaga Zakat Selangor
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAIPk	Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
op.cit	<i>opera citato</i>
Ph.D	Doktor Falsafah

POLI	Politeknik
POLIMAS	Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah
PPZ	Pusat Pungutan Zakat
PSAS	Politeknik Sultan Azlan Shah
PTSB	Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
PUO	Politeknik Ungku Omar
RA	<i>Radhiallāhu^ʿanhū</i>
SAW	<i>Sallallāhū^ʿAlayhī Wasallam</i>
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SWT	<i>Subhaānahū Wata^ʿālā</i>
t.t	Tanpa Tarikh
UiTM	Universiti Teknologi MARA

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan Etika Penyelidikan Manusia
- B Surat Pengesahan Pelajar
- C Surat Permohonan Menjalankan Penyelidikan di Politeknik Malaysia
- D Surat Kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Kementerian Pendidikan Tinggi
- E Surat Kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
- F Contoh Inventori Protokol Temu Bual Responden Utama
- G Contoh Surat Lantikan Responden Utama
- H Contoh Pengesahan Pakar (Kandungan Instrumen Temu Bual)
- I Contoh Borang Persetujuan Responden Utama
- J Contoh Pengesahan Data Temu Bual Responden Utama
- K Contoh Surat Pelantikan Pakar Penilai Pengesahan Instrumen Kajian
- L Contoh Borang Pengesahan dan Persetujuan Pakar Terhadap Tema Data Kualitatif
- M Contoh Halaman Diari Pengkaji
- N Contoh Halaman Nota Lapangan

SENARAI TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	'	سأل	<i>sa'ala</i>
ب	b	بدل	<i>badala</i>
ت	t	تمر	<i>tamr</i>
ث	th	ثورة	<i>thawrah</i>
ج	j	جمال	<i>jamal</i>
ح	h	حديث	<i>ḥadith</i>
خ	kh	خالد	<i>khalid</i>
د	d	ديوان	<i>diwan</i>
ذ	dh	مذمب	<i>madhhab</i>
ر	r	رحمن	<i>rahman</i>
ز	z	زمزم	<i>zamzam</i>
س	s	سراب	<i>sarab</i>
ش	sh	شمس	<i>shams</i>
ص	ṣ	صبر	<i>ṣabr</i>
ض	ḍ	ضمير	<i>ḍamir</i>
ط	ṭ	طاهر	<i>ṭahir</i>
ظ	ẓ	ظمر	<i>ẓuhr</i>
ع	ʿ	عبد	<i>ʿabd</i>
غ	gh	غيب	<i>ghayb</i>

ف	f	فقہ	<i>fiqh</i>
ق	q	قاضی	<i>qaḍī</i>
ك	k	کاس	<i>ka's</i>
ل	l	لہن	<i>laban</i>
م	m	مزمار	<i>mizmar</i>
ن	n	نوم	<i>nawm</i>
ه	h	ہبط	<i>habata</i>
و	w	وصل	<i>waṣala</i>
ي	y	یساړ	<i>yasar</i>

2. Vokal Pendek

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
اَ	a	فَعَلْ	<i>fa'ala</i>
اِ	i	حَسِبَ	<i>hasiba</i>
اُ	u	كُتِبَ	<i>kutiba</i>

3. Vokal Panjang

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
أَ، آ	ā	كاتب، قاضي	<i>kātib, qāḍa</i>
ي	ī	كريم	<i>karīm</i>
و	ū	حروف	<i>hurūf</i>

4. Diftong

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
و	aw	قول	<i>qawl</i>
يَ	ay	سيف	<i>sayf</i>
ي	iyy / ī	رجعي	<i>raj^ciyy / raj^cī</i>
و	uww / ū	عدو	<i>^caduww / ^cadu</i>

Pengecualian

1. Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada ‘a’ bukan kepada ‘a. Contoh : أكر , transliterasi : *akbar* bukan ‘*akbar*’.

2. Huruf Arab ة (*tā’ marbutah*) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada ‘t’. Contohnya : وزارة التعليم , transliterasi : *wizārat al-ta^clīm*, bukannya *wizārah al-ta^clīm*. Tetapi sekiranya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, *tā’ marbutah* ditransliterasikan kepada h.

<u>Contoh</u>	<u>Transliterasi</u>
1. المكتبة الأهلية	<i>al-Maktabah al-Ahliyyah</i>
2. حاشية	<i>Hāshiyah</i>
3. دار وبة	<i>Dār Wahbah</i>

SENARAI STATUT

- A Enakmen Lembaga Zakat Kedah. (No. 23, Tahun 2015). Seksyen 19(1)
- B Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. (No. 4, Tahun 1994). Seksyen 2
- C Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah (No. 5, Tahun 2004)
- D Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor. (No. 16, Tahun 2003). Seksyen 86
- E Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka. (No. 7, Tahun 2002). Seksyen 74
- F Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri pulau Pinang. (No. 4, Tahun 2004). Seksyen 2
- G Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor. (No. 1, Tahun 2003). Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah 2012. Peraturan 2
- H Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan. (No. 10, Tahun 2003). Seksyen 86
- I Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Terengganu. (No. 2, Tahun 2001). Seksyen 71
- J Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak. (No. 4, Tahun 2004). Seksyen 75
- K Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis. (No. 4, Tahun 2006). Seksyen 86
- L Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Pahang. (No. 3, Tahun 1991). Seksyen 82
- M Enakmen Zakat dan Fitrah Negeri Sabah. (No. 6, Tahun 1993). Seksyen 2
- N Ordinan Majlis Islam Sarawak. (No. 41, 2001). Seksyen 75



- O Perlembagaan Persekutuan. Jadual Kesembilan. Senarai Perundangan. Senarai II- Senarai Negeri



BAB 1

PENGENALAN

Zakat merupakan rukun Islam ketiga yang disyariatkan Allah SWT kepada individu yang memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Ia adalah teras pembangunan sosial dan kerohanian umat Islam dalam pembentukan masyarakat yang maju, beriman serta memiliki asas ekonomi yang teguh. Maka tidak hairanlah zakat diklasifikasikan sebagai agen jaminan sosial dan ekonomi yang mampu membina peradaban ummah¹.

Secara umum, pensyariatan zakat adalah bertujuan untuk menyucikan jiwa individu daripada sifat kikir dengan menggalakkan sifat suka bersedekah dan mentaati perintah Allah SWT. Selain itu, zakat juga memupuk sifat bertanggungjawab dalam

¹ Al-Qaradawī, Yūsuf. (1981). *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkāmihā wa Falsafatihā fi Daw' al-Qurān wa al-Sunnah*. Jil. 2. Beirut: Mu'assasah al-Risālah. h. 547



menjaga hak-hak masyarakat dalam mengatasi masalah kemiskinan serta menerapkan kehidupan beragama.

Tugas kutipan dan agihan merupakan dua elemen asas dalam pengurusan zakat. Tugas ini dipikul oleh ‘amil’ yang diiktiraf sebagai penghubung antara pembayar zakat dan penerima zakat. Sungguhpun begitu, keberkesanan peranan tersebut bergantung kepada kualiti profesionalisme dan kecekapan mereka dalam melaksanakan tugas.

1.2 Latar Belakang Kajian

Zakat merupakan salah satu sistem ekonomi Islam yang masih diamalkan hingga kini dalam bentuk dan hukumannya yang asal. Sistem ini telah mengharungi pelbagai cabaran, halangan dan masalah yang silih berganti sepanjang zaman. Sebagai salah satu elemen terpenting dalam sistem kewangan Islam, zakat tentunya memerlukan sebuah bentuk tadbir urus yang cekap di bawah kuasa pemerintah. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أََمْوَالِ مِمَّصَقٍ قَطْطٍ مِّمَّ وَرَأَيْتُ مِمْهَ

Surah al-Tawbah (9): 103

Terjemahannya: Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka (daripada akhlak yang buruk)².

² Abdullah Basmeih. (2013). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir. h. 457. Semua terjemahan ayat al-Quran adalah merujuk kitab ini.





kepada dua golongan. Golongan pertama ialah kumpulan yang memerlukan harta disebabkan faktor keadaan penerima iaitu golongan fakir, miskin, hamba dan ibn sabil. Manakala golongan kedua pula ialah golongan yang menerima zakat disebabkan kedudukan mereka yang memberi manfaat kepada umat Islam iaitu golongan amil, mualaf, al-gharimin dan fisabilillah⁵.

Tadbir urus zakat yang cekap merupakan kunci kepada kelestarian hidup asnaf yang sejahtera. Pengurusan zakat di Malaysia diletakkan di bawah bidang kuasa pentadbiran undang-undang negeri yang melibatkan fungsi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)⁶. Pengamalan konsep pengurusan yang moden dan profesional telah berjaya menampilkan institusi zakat di Malaysia sebagai agensi korporat yang mampu memenuhi keperluan asnaf. Bermula dengan era penswastaan tadbir urus zakat sekitar tahun 90an, institusi zakat terus meneroka pelbagai pendekatan bagi memberikan perkhidmatan berkualiti kepada pembayar zakat dan asnaf⁷. Hal ini termasuklah usaha mempertingkatkan tahap kualiti dan kompetensi amil zakat⁸.

Amil merupakan individu yang dipertanggungjawabkan untuk mengutip zakat dan mengagihkannya kepada asnaf⁹. Kecekapan dan ketelusan dalam menguruskan zakat merupakan dua komponen penting yang membentuk kompetensi amil dalam pelaksanaan tugas. Sungguhpun begitu, terdapat beberapa polimik dan permasalahan yang membabitkan kualiti kecekapan dan ketelusan seperti isu ketirisan dan salah guna

⁵ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Shams al-Dīn Abū 'Abd Allah Muḥammad ibn Abī Bakr. (1995). *Zād al-Ma'ād fil Ḥādī Khayr al-'Ibād*. Jil. 2. Beirut: Dār al-Fikr. h. 5

⁶ Perlembagaan Persekutuan. Jadual 19. Senarai 2.

⁷ Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid, & Adnan Mohamad. (2006). Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia. *International Journal of management Studies*. 13 (2). h. 68

⁸ Mohamad Naimi Mohamad Nor, Suhaimi Ishak, & Amirul Faiz Osman. (2021). Developing an Affective Individual Amil Criteria. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*. 3 (6). h. 40

⁹ Ibn Manzūr. (1996). *Lisān al-'Arab*. Jil. 2. Beirut: Dār Ihyā' Turāth al-'Arabī. h. 542





kuasa yang sekaligus mengikis kepercayaan masyarakat terhadap kredibiliti mereka¹⁰.

Kesannya, terdapat muzakki yang enggan mengeluarkan zakat melalui amil, sebaliknya lebih selesa menjelaskannya terus kepada asnaf¹¹.

Seiring dengan perkembangan sosial dan ekonomi negara, amil memainkan peranan yang besar dalam membentuk kesejahteraan masyarakat. Selain berfungsi sebagai ejen penguatkuasa kutipan zakat, amil juga bertindak sebagai pendakwah yang mendidik masyarakat supaya prihatin akan nasib dan hak asnaf serta menguruskan keperluan mereka. Keberadaan amil di sesuatu institusi atau tempat akan menjadikan pelaksanaan ibadah zakat lebih teratur dan sistematik. Kadangkala amil diberikan satu tanggungjawab yang berat seperti terlibat dengan suatu bentuk pengurusan aset yang kompleks, berskala besar dan bersifat nasional¹². Maka tahap kompetensi mereka wajar diberi perhatian bagi memastikan peranan yang diamanahkan mampu memberi impak terbaik terhadap peningkatan taraf hidup dan sosio-ekonomi umat.

Kompetensi amil adalah merujuk kepada tahap kecekapan mereka dalam melaksanakan urusan kutipan zakat serta agihannya kepada asnaf. Ia merupakan suatu set sifat peribadi atau tabiat yang membentuk prestasi kerja yang lebih berkesan dan unggul¹³. Hakikatnya, kewajipan untuk berusaha meningkatkan kompetensi dalam pekerjaan adalah selari dengan tuntutan agama kerana Islam amat memandang berat soal peningkatan kualiti sesuatu pekerjaan sama ada melibatkan ibadah khusus atau

¹⁰ Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, & Radiah Abdul Kader. (2009). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapakah Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati? *Jurnal Syariah*. 17(1). h. 89-112

¹¹ Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2005). Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 39. h 53-69

¹² Hasan Bahrom & Ezani Yaakub. (2006). *Pengurusan Zakat Semasa*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UiTM. h. 46-47

¹³ McClelland, D.C. (1973). Testing for Competency Rather Than Intelligence. *American Psychologist*. 28 (1). h. 1-40



umum. Hal ini dibuktikan dengan suruhan Allah SWT untuk sentiasa bersifat kompetitif. Firman Allah SWT:

وَلِكُلِّ وِجْهَةٌ مَّا مَلَائِكَتِي وَأَلَّا تَحْزَنَ مَلَكُوتِي وَلِيَّ أَنْتَبِلُكُمْ لَلْجِيْعِ إِنَّ لَكُلَّ شَيْءٍ عِنْدِي

Surah al-Baqarah (2): 148

Terjemahannya: Dan setiap umat mempunyai kiblat yang menghadap kepadanya. Maka berlumba-lumbalah kamu dalam kebaikan. Di mana saja kamu berada pasti Allah akan mengumpulkan kamu semua. Sungguh, Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.

Islam memandang tinggi kepada individu yang berlumba-lumba untuk mencapai matlamat dalam mengerjakan kebajikan. Malah menjadi sunnatullah apabila individu yang berusaha keras dalam pekerjaannya akan memperoleh hasil yang berkualiti¹⁴. Namun tahap kompetensi tidak dinilai berdasarkan kualiti yang terhasil (output) semata-mata, tetapi meliputi elemen keperibadian, keilmuan dan kemahiran yang berteraskan panduan al-Quran dan al-Sunnah¹⁵. Pencapaian ketiga-tiga elemen ini perlulah seiring kerana amil bukanlah sekadar pengurus zakat malah sebagai individu yang membangunkan rohani dan menyentuh nurani masyarakat melalui amalan berzakat¹⁶. Peranan ini tidak dapat dilaksanakan dengan cemerlang tanpa usaha yang berterusan dan kesedaran bahawa ianya sebahagian ibadah yang dituntut dalam agama.

Kompetensi amil juga berkait dengan cabaran terhadap budaya masyarakat yang dipengaruhi oleh sejarah, perkembangan teknologi dan sosial. Tidak dinafikan, budaya materialisme yang membarah dalam masyarakat telah mengheret amil sehingga terpalit

¹⁴ Hassan al-Banna Mohamed, Ab. Mumin Ab. Ghani, & Siti Arni Basir. (2013). Sistem Pengurusan Islam yang Berkualiti Mampu Menjamin Kepuasan Pekerja: Suatu Realiti dan Cabaran Masa Hadapan. *Global Journal Al-Thaqafah*. 3 (1). h. 67-84

¹⁵ Mohammad Ghazali & Nor 'Azzah Kamri. (2015). Keperibadian Islam dan Profesionalisme dalam Pekerjaan: Satu Analisis Teoritis. *Jurnal Syariah*. 23 (2). h. 255-286

¹⁶ Azman Ab Rahman. (2014). *Modul Pengurusan Amil Zakat Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM. h. 44



dengan isu integriti dan salah guna kuasa. Budaya ini menyetepikan nilai akhlak kerana terlalu mengagungkan kebendaan dengan menghalalkan apa sahaja demi gaya hidup mewah¹⁷. Menurut Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, statistik tangkapan individu yang terlibat dengan kes penyelewengan, rasuah dan salah guna kuasa pada tahun 2018 meningkat lebih 20 peratus berbanding tahun-tahun sebelumnya¹⁸. Angka ini termasuklah kes-kes amil yang terlibat dengan penyelewengan dan salah guna kuasa dalam pengurusan zakat¹⁹. Secara tidak langsung, ia menggambarkan bahawa kompetensi amil boleh dipertikaikan walaupun hasil kutipan zakat sentiasa mencatatkan peningkatan saban tahun²⁰.

Kepesatan teknologi maya yang menjadi teras kepada Revolusi Industri 4.0 menjadi cabaran kepada amil untuk menyesuaikan diri dengan penggunaan teknologi baru. Perkembangan media sosial perlu dimanfaatkan sepenuhnya bagi mempromosikan kutipan zakat dengan cara yang kreatif dan berinovatif. Selain menjimatkan kos dan tenaga, kaedah pengiklanan kempen zakat secara digital juga dapat menarik minat masyarakat terutama golongan muda untuk menunaikan ibadah zakat serta mengetahui perkembangan agihannya²¹. Malah, teknologi media sosial dan pengiklanan digital ini sesuai menjadi medium penerangan rasmi yang boleh menangkis penularan berita palsu mengenai kutipan dan agihan zakat.

¹⁷ Eddy S. Fang. (2014). Islamic Finance in Global Markets: Materialism, Ideas and the Construction of Financial Knowledge. *The Review of International Political Economy*. 21(6). h. 1170-1202

¹⁸ Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2018, Disember 8). Data pesalah rasuah. https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=120&year=2018

¹⁹ Muhammad Yusri Muzamir. (2017, Julai 19). CEO, Pegawai zakat Pulau Pinang didakwa rasuah. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/07/303661/ceo-pegawai-zakat-pulau-pinang-didakwa-rasuah>

²⁰ Azman Ab Rahman, Ahmad Anis Muhd Fauzi, & Abdulsoma Thoarlim. (2016). The Development of an Intergrated Model for Amil Zakat in Malaysia. *International Journal of Islamic Business Ethics*. 1(2). h. 131

²¹ Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki, Jasni Sulong & Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani. (2020). Cabaran Amil Lembaga Zakat Negeri Kedah Dalam Revolusi Perindustrian 4.0. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 5(1). h. 1-8





Kecanggihan teknologi semasa juga memberi peluang kepada institusi zakat untuk mencipta pelbagai kaedah bagi memudahkan urusan kutipan dan agihan zakat. Melalui teknologi kewangan (*fintech*), pelbagai kaedah transaksi pembayaran zakat secara *e-payment* diperkenalkan seperti penggunaan kad kredit, kad debit, aplikasi bayaran *e-pay* dan perbankan atas talian²². Hasil inovasi ini bukan sekadar memudahkan urusan pembayar zakat, malah meningkatkan hasil kutipan yang memberi manfaat kepada lebih ramai asnaf.

Namun, kecanggihan teknologi yang dimiliki langsung tidak memberi makna apabila amil gagal memanfaatkannya dengan baik. Hal ini kerana, amil masih dibelenggu dengan pelbagai isu ketidakcekapan dari sudut teknologi serta isu karenah birokrasi terutama dalam aspek agihan zakat yang berpunca daripada kekurangan kemahiran dan nilai inovatif dalam pelaksanaan tugas²³. Justeru itu, penumpuan kini harus diberikan kepada usaha memantapkan kualiti kerja amil dalam merealisasikan tadbir urus yang cekap dan berinovatif.

Secara ringkas, penyelidikan mengenai amalan kompetensi amil, amat relevan dilaksanakan kerana ajaran Islam sendiri menuntut usaha meningkatkan kompetensi dalam pekerjaan yang diceburi. Selain itu, cabaran terhadap budaya materialisme dan isu ketidakcekapan amil sehingga menimbulkan pelbagai karenah birokrasi telah menjadikannya sangat penting untuk dikaji. Ketiga-tiga faktor ini merupakan sari pati kepada penerokaan kriteria kompetensi amil cemerlang di politeknik. Hasilnya, satu

²² Siti Nabihah Esrati, Shifa Mohd Nor, & Mariani Abdul Majid. (2018). Fintech (Blockchain) dan Pengurusan Zakat di Malaysia. Prosiding Persidangan Kebangsaan ekonomi Malaysia ke 13. Bangi: UKM. h. 31-35

²³ Nurhadi Wiraatmaja. (2014). Isu-Isu Pelaksanaan Kutipan Zakat Pendapatan di Provinsi Aceh, Indonesia. Tesis Sarjana Syariah. Universiti Malaya. h. 104-109; Ammar Badruddin Romli & Mohd Noor Daud. (2021). Peningkatan Kemahiran dan Kualiti Kerja Amil melalui Pembangunan Model Kompetensi Amil Zakat. *International Journal of Islamic Economics, Business and Entrepreneurship*. 1(1). h. 01-17.



garis panduan bagi meneliti tahap kompetensi amil dapat dibangunkan serta menjadi rujukan di politeknik dan institusi zakat di seluruh Malaysia.

1.3 Sorotan Literatur

Isu berkaitan kompetensi amil dalam pengurusan zakat telah dibincangkan oleh para pengkaji menerusi kajian-kajian yang dijalankan sebelum ini. Bahagian ini akan membincangkan sorotan kajian terhadap peranan dan amalan profesionalisme amil, peranan amil dalam pengurusan zakat IPT, dan amalan kompetensi amil.

1.3.1 Peranan dan Amalan Profesionalisme Amil

Secara asasnya peranan amil ialah mengutip zakat daripada umat Islam yang cukup nisab kemudian mengagihkannya kepada lapan jenis asnaf sebagaimana yang telah ditetapkan dalam al-Quran²⁴. Peranan tersebut menunjukkan kedudukan amil adalah sebagai pengantara (*mediator*) antara pembayar zakat dan asnaf kerana fungsi mereka dalam mengutip serta mengagihkan zakat²⁵.

Kajian Ade Nur telah menyentuh mengenai bagaimana perkembangan sosial dan ekonomi hari ini telah meluaskan lagi peranan amil yang bukan sekadar mengutip zakat, malah perlu mengenal pasti dan menyiasat penerima zakat, memproses

²⁴ Hasanah Abd. Khafidz. (2017). *Pentafsiran Asnaf Zakat di Malaysia Mengikut Masa dan Tempat*. Nilai: Penerbit USIM. h. 212

²⁵ Azman Ab Rahman. (2014). *op.cit.* h. 53

permohonan asnaf, menyampaikan bantuan, serta menyediakan laporan setiap aktiviti agihan yang telah dilakukan²⁶. Menurutnya, dalam beberapa situasi, amil perlu terlibat dalam perancangan dan pengendalian dana zakat serta melaporkan setiap aspek pengurusan zakat yang merangkumi urusan perundangan, hal ehwal kewangan, pelaburan, pengurusan projek dan pentadbiran aset zakat. Kesemua tugas ini membuktikan peranan amil yang signifikan sebagai pemangkin ekonomi ummah.

Sementara itu, Hamidy et al. telah mengaitkan peranan amil sebagai agen kesejahteraan umat melalui teori kesejahteraan sosial al-Ghazali²⁷. Beliau menekankan tentang fungsi amil di sesuatu lokasi adalah bagi memelihara elemen keperluan (الضرريات) dalam maqasid syariah iaitu menjaga agama (الدين), nyawa (الفس), keturunan (النسل), harta (المال) dan akal (العقل). Menurutnya peranan amil sangat penting kerana mereka menjalankan urusan fardu kifayah yang akan memberi kesan buruk terhadap perkembangan ekonomi dan sosial umat Islam jika tidak dilaksanakan dengan sempurna. Pandangan sama disokong oleh Mohamad Sabri et al. yang menyatakan urusan kutipan dan agihan telah menyumbang implikasi sosio-ekonomi yang besar terutama dalam mengagihkan pendapatan daripada golongan kaya serta menjayakan agenda pembasmian kemiskinan dalam masyarakat²⁸.

Selain mengutip dan mengagihkan zakat, amil juga berperanan sebagai pendakwah yang memberi peringatan secara berhikmah untuk menimbulkan kesedaran

²⁶ Ade Nur Rohim. (2020). Revitalisasi Peranan dan Kedudukan Amil Zakat dalam Perekonomian. *Journal of Islamic Economics and Finance Studies*. 1 (1). h. 41-61

²⁷ Hamidy Thalib, M. Irwan & Ihsan Rais. (2016). Peranan Amil Sebagai Pengelola Zakat untuk Kesejahteraan Umat. *Jurnal Ekonomi dan Perbankan Syariah*. 3 (2). h. 290-305

²⁸ Mohamad Sabri Haron dan Riki Rahman. (2016). Pengagihan Zakat Dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid Syariah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. Vol. 10. h. 137



menunaikan zakat dalam kalangan masyarakat²⁹. Menurut Azman, amil bukan sekadar perlu mahir menguruskan zakat malah perlu melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran komunikasi seperti kemahiran komunikasi lisan dan bukan lisan, dan kemahiran komunikasi massa untuk menjadi pendakwah zakat yang berkesan³⁰. Selain menyampaikan dakwah terhadap pembayar zakat, amil juga berperanan melakukan anjakan paradigma asnaf daripada pemikiran yang lemah dan tidak berdaya kepada pemikiran yang positif, cekal dan berdaya saing³¹. Hal ini disokong oleh Teh Suhaila et al. yang mendapati, amil tempatan mampu mengubah corak pemikiran asnaf melalui pendekatan yang sesuai seterusnya menjadi indikator penilaian terhadap peningkatan kualiti hidup asnaf di bandar³².

Kajian Hairunnizam mendapati persepsi masyarakat terhadap amil zakat hari ini semakin baik³³. Namun beliau menyarankan agar peranan amil terus diperkasa dengan melantik golongan imam sebagai amil profesional bagi menangani isu kerana birokrasi yang dialami oleh asnaf di kawasan kariah mereka. Hal ini kerana, menurut amalan semasa, permohonan zakat adalah perlu melalui pejabat zakat daerah sebelum diluluskan oleh pegawai zakat negeri. Menurut Azman et al., mekanisme ini lebih praktikal kerana para imam dan agamawan yang menjalani fungsi amil lebih mudah membuat penyiasatan permohonan zakat kerana lebih mengenali dan sentiasa berhubung secara langsung dengan penduduk tempatan³⁴.

²⁹ Muhsin Nor Paizin. (2014). Amalan Dakwah Zakat di Wilayah Persekutuan Malaysia: Satu Pemerhatian. *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization*. Kuala Lumpur. 4-5 Mac 2014

³⁰ Azman Ab Rahman. (2014). *op.cit.* h. 53

³¹ Norshahida Zolkiahy & Hairunnizam Wahid. (2018). Kepuasan Asnaf Terhadap Bantuan Sewa Rumah Oleh Lembaga Zakat Selangor: Peranan Penolong Amil Kariah. Dlm. Azman Ab Rahman, Muhamad Firdaus Ab Rahman, & Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi. *Kutipan dan Agihan Zakat Malaysia Baharu: Isu, Cabaran dan Harapan*. Nilai: Penerbit USIM. h. 155

³² The Suhaila Tajuddin, Aza Shahnaz Azman, & Norani Sahamsuddin. (2016). Impak Agihan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf di selangor. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Ekonomi dan Perbankan Ke 2*. h. 226-237

³³ Hairunnizam Wahid. Localization of Malaysian Zakat Distribution: Perception of Amils and Zakat Recipients. Tesis Doktor Falsafah Syariah. Universiti Malaya.

³⁴ Azman Ab. Rahman, Hairunnizam Wahid, & Mahazan Abdul Mutalib. (2019). *Tadbir Urus Pengurusan Zakat Bagi Institusi Masjid di Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM. h. 31





Kajian Novendi yang meninjau kualiti tadbir urus dan akauntabiliti amil berpandangan, kerjaya amil menuntut suatu tahap profesionalisme yang tinggi kerana perlu berkemahiran khusus, menguasai isu-isu zakat, berdedikasi, jujur dan amanah³⁵. Hal ini disokong Muhammad Akhyar kerana kualiti profesionalisme amil terbentuk daripada kemahiran pengurusan zakat yang rapi berdasarkan latihan yang komprehensif dan pengalaman amil sendiri³⁶. Namun menurut Novendi kemahiran amil hari ini perlu lebih mampan dan selaras dengan peredaran zaman, jika tidak, ia akan merosot dan terbatas kepada elemen tradisi pengurusan zakat sahaja. Kajian beliau menyokong kewujudan sebuah kod etika profesional sebagai garis panduan etika amil dalam pelaksanaan tugas seperti yang telah dikemukakan oleh Md Hairi et al.³⁷.

Kajian Rifzaldi et al. pula adalah mengenai pengaruh profesionalisme dan tahap ketelusan amil terhadap prestasi tadbir urus di institusi zakat³⁸. Hasil kajian ini tidak selari dengan kajian Muhammad Akhyar yang mendapati amalan profesionalisme amil tidak memberi kesan yang signifikan terhadap tahap ketelusan mereka³⁹. Namun begitu, fokus kemahiran dalam kajian ini didapati tidak menyeluruh kerana tertumpu kepada kemahiran perakaunan zakat sahaja sedangkan kemahiran profesionalisme amil lebih luas merangkumi segenap aspek kutipan dan agihan zakat⁴⁰.

³⁵ Novendi Arkham Muftadi. (2019). Analysis of Islamic Accountability and Islamic Governance in Zakat Institution. *Hasanuddin Economics and Business Review*. 3 (1). h. 1-12

³⁶ Muhammad Akhyar Adnan. (2017). The Need of Establishment of Profesional Amil Zakat to Enhance the Future Zakat Development. *International Journal of Zakat*. 1 (1). h 71-79

³⁷ Md Hairi Md Hussain, Ram Al Jaffri Saad & Azizi@Hamizi Hashim. (2011). Kod etika Amil Zakat: Satu Perspektif Islam. *Prosiding International Islamic Development management Conference*. Universiti Sains Malaysia. h. 3

³⁸ Rifzaldi Nasri, Nur Aeni & Marissa Grace Haque Fawzi. (2019). Determination of Professionalism and Transparancy and Its Implications for The Financial Performace of Zakat Institutions. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*. 5 (4). h 785-806

³⁹ Muhammad Akhyar Adnan. (2017). *op.cit.* h 71-79

⁴⁰ Azman Ab Rahman. (2014). *op.cit.* h. 53



Saranan mewujudkan jawatan amil profesional seperti yang diketengahkan oleh Hairunnizam telah disentuh oleh beberapa pengkaji lain. Misalnya Ahmad Kholiq dan Nono menggesa agar institusi zakat menyerap jawatan amil daripada sambilan kepada perkhidmatan sepenuh masa bagi mengurangkan impak pemberhentian amil kompeten seterusnya terpaksa melatih amil baharu yang kurang pengalaman⁴¹. Gesaan ini selari dengan Azizi et al. yang berpandangan kewujudan perjawatan amil profesional tepat pada masanya memandangkan pelbagai transformasi yang dilakukan oleh institusi zakat ke arah matlamat tersebut⁴². Namun menurut Rifzaldi et al., saranan ini perlu dibuat secara terperinci dengan menimbangkan kerencaman tugas dan kepelbagaian jenis amil yang berkhidmat kepada masyarakat agar hak dan nasib mereka tidak terabai⁴³.

1.3.2 Peranan Amil dalam Pengurusan Zakat IPT

Amalan pengurusan zakat yang moden telah membuka lembaran baharu terhadap kepelbagaian usaha dan pendekatan berstrategik bagi meningkatkan kecekapan kutipan dan agihan zakat. Salah satu usaha tersebut ialah memperkenalkan konsep wakalah pengurusan zakat iaitu dengan melantik pihak lain seperti pihak masjid, institusi pendidikan dan pertubuhan bukan kerajaan sebagai wakil bagi menjalankan fungsi amil di peringkat institusi masing-masing⁴⁴. Kajian Muhsin et al. telah merungkai betapa

⁴¹ Achmad Kholiq & Nono Hatono. (2021). Amil Zakat Governance Risk Mitigation: An ERM-COSO Analysis. *International Journal of Zakat*. 6 (1). h 9

⁴² Azizi@Hamizi Hashim, Ram Al Jaffri dan Md Hairi Md Hussain. (2011). Kod Etika Amil Zakat: Satu cadangan. In: The World Universities 1st Zakat Conference 2011 (WU1ZC 2011), 22-24 November 2011, Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur

⁴³ Rifzaldi Nasri et al. (2019). *op.cit.* h 789

⁴⁴ Muhammad Fakhurrasyi Md Ariff. (2021). Konsep Wakalah: Pengalaman Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Dlm. Muhammad Ikhlas Rosele, Mohamad Noor Sahidi Johari & Muhsin Nor Paizin. *Dimensi Baharu Zakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Zakat. h. 367

penting peranan yang dimainkan oleh amil wakalah yang bukan sahaja sebagai pengurus agihan malah berfungsi sebagai pemudah cara di antara institusi zakat dengan pembayar zakat dan asnaf di tempat mereka⁴⁵.

Menurut Baharuddin Sayin, pelaksanaan konsep wakalah pengurusan zakat di institusi pengajian tinggi (IPT) bermula pada tahun 1998 apabila Lembaga Zakat Selangor (LZS) melantik Institut Teknologi Mara (ITM) bagi mengendalikan kutipan zakat dalam kalangan kakitangan seterusnya mengagihkan satu perdua hasil kutipan kepada pelajar asnaf di institusi berkenaan⁴⁶. Pelaksanaan mekanisme ini telah diperluaskan ke IPT lain seterusnya membuka ruang kepada amalan pentauliahan pegawai IPT sebagai amil⁴⁷.

Kajian Muhamad Rahimi et al. mendapati amil di IPT adalah berperanan secara komprehensif dalam mengembalikan martabat ummah demi mencapai kecemerlangan ilmu⁴⁸. Pandangan ini dikongsi oleh Muhammad Shukri yang menyatakan fungsi unit zakat IPT adalah menyamai peranan sebuah institusi kebajikan yang membina rasa kekeluargaan dalam kalangan pelajar asnaf dengan penerapan kasih sayang dan pemahaman agama⁴⁹. Malah menurutnya lagi, kedudukan amil IPT amat penting kerana mereka melaksanakan mekanisme tujuhan bagi meningkat kecemerlangan mental, fizikal dan spiritual pelajar terutama golongan asnaf fakir dan miskin. Oleh itu, amil memerlukan kualiti dan kompetensi tersendiri bagi memastikan peranan mereka dalam

⁴⁵ Muhsin Nor Paizin & Suhaili Sarif. (2021). Limitasi Penggunaan Konsep Wakalah Dalam Sistem Pengurusan Zakat di Malaysia. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 8 (1). h. 198-220

⁴⁶ Baharuddin Sayin, Ahmad Zaki Abdullah Latiff dan Mohd Afandi Mat Rani, (2014). Agihan Zakat di Universiti Teknologi Mara, Seminar Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi: Pengalaman dan Hala Tuju, Universiti Teknologi Mara.

⁴⁷ Muhsin & Suhaili. (2021). *op.cit.* h. 211

⁴⁸ Muhamad Rahimi Osman dan Ghafarullahuddin Din. (2014). Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi, Seminar Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi: Pengalaman dan Hala Tuju, Universiti Teknologi Mara.

⁴⁹ Muhammad Syukri Salleh. (2014). Pembasmian Kemiskinan Melalui Pemeraksanaan Pendidikan Ummah, Seminar Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi: Pengalaman dan Hala Tuju, Universiti Teknologi Mara.

membela nasib asnaf serta melahirkan generasi muda yang berwawasan dan berjiwa Islam.

Amil IPT menggalas tanggungjawab yang besar dalam mengendalikan keperluan asnaf seterusnya membantu mereka keluar daripada kepompong kefakiran dan kemiskinan. Hal ini menurut Hairunnizam et al., amil IPT lebih dekat dengan pelajar dan memahami keperluan mereka dengan memastikan bentuk agihan adalah bertepatan dengan kehendak dan keperluan asnaf. Namun, keperluan pelajar yang berbeza menjadi cabaran kepada amil dalam usaha memastikan segala keperluan asnaf dipenuhi dan ditangani dengan berhemah. Justeru itu, Muhamad Rahimi et al. mencadangkan agar keutamaan diberikan terhadap usaha mengagihkan bantuan yang berpadanan dengan kos pendidikan asnaf bagi memastikan mereka dapat mengharungi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi suasana pembelajaran dengan sempurna⁵⁰.

Tahap keprihatinan amil terhadap nasib dan masa depan asnaf amat berkait rapat dengan keberkesanan agihan zakat di sesebuah IPT. Kajian Nor Azilah et al. yang melibatkan 206 pelajar asnaf di IPT Selangor mendapati aspek keprihatinan amil amat mempengaruhi tahap kepuasan asnaf terhadap perkhidmatan yang mereka jalankan. Hasil kajian ini selari dengan beberapa kajian lain yang menunjukkan sikap empati, belas kasihan, peka dan mengambil berat oleh seseorang amil, telah meningkatkan kualiti agihan zakat di sesuatu tempat⁵¹.

⁵⁰ Muhamad Rahimi & Ghafarullahuddin. (2014). *op.cit.* h. 57

⁵¹ Husin, N. A., Noor, A. F., Ahmad Shamli, N. S., Aziz, A., & Muhammad Nor, M. (2020). The Effectiveness Of Micro-Credit (Hijrah) Selangor in Widening The Middle-Income Earners. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*. 1 (1), 57-73; Ahmad Fahme Mohd Ali, Mohd Faisol Ibrahim, & Muhammad Ridhwan Ab Aziz. (2019). Missing Items in Zakat Distribution: A Case in Kelantan, Malaysia. *International Journal of Zakat*, 4(1), 1-24; Abdullah, Z., Najmi, D. A., & Donna, D. R. (2019). Measuring Amil Happiness Using Psychological Approach: Evidence From Yogyakarta, Indonesia. *International Journal of Zakat*. 4 (2). 13-22; Zaenal, M. H., Choirin, M., Tsabita, K., Astuti, A. D., & Sadariyah, A. S. (2017). Principles of Amil zakat and best practice recommendations for zakat institutions. Working Papers-Puskas Baznas; Ahmad, R. A. R., Othman, A. M. A., &

Sungguhpun begitu, kajian Dicky Wiwitan et al., mengenai tahap kepuasan agihan zakat di Politeknik Kota Kinabalu telah mendedahkan tahap persepsi pelajar terhadap peranan amil politeknik yang tidak memuaskan terutama melibatkan aspek kecekapan amil dan karenah birokrasi pengurusan zakat seperti, syarat permohonan terlalu ketat, kesukaran bertemu amil, kelewatan memproses permohonan, dan amaun yang diterima terlalu kecil⁵². Kesannya, sebahagian asnaf terpaksa bekerja secara sambilan bagi menampung perbelanjaan harian mereka. Oleh itu, kewujudan isu kualiti dan tahap kompetensi amil seperti ini menjadi faktor penting terhadap keperluan kajian khusus mengenai kompetensi amil zakat politeknik.

1.3.3 Amalan Kompetensi Amil

Pengamalan budaya kompetensi yang sesuai amat penting dalam melahirkan pekerja yang berkualiti dan berdaya saing. Menurut Muhsin, amil yang kompeten akan dipandang tinggi oleh masyarakat seterusnya mempengaruhi pencapaian kutipan serta kualiti agihan di sesebuah institusi zakat⁵³. Penelitian yang dibuat ke atas kajian-kajian lepas mendapati terdapat lima jenis amalan kompetensi amil yang sering dibincangkan iaitu amalan kompetensi keperibadian, amalan kompetensi keilmuan, dan amalan kompetensi kemahiran.

Salleh, M. S. (2015). Assessing the satisfaction level of zakat recipients towards zakat management. *Procedia Economics and Finance*, 31, h. 140-151.

⁵² Dicky Wiwitan Toto Ngadiman, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Nor. (2016). Kajian Kepuasan Agihan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi: Kajian di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. *Proceedings of the National Conference on Sustainable Cities*. 4 Mei 2016 di Politeknik Ungku Omar. h. 119-128

⁵³ Muhsin Nor Paizin. (2020). Tingkah Laku Asertif dan Tahap Kepuasan Bekerja Dalam kalangan Kakitangan Institusi Zakat di Malaysia. *Journal on Technical and Vocational Education*. 5 (2). h. 29

Amalan kerohanian dan sifat integriti merupakan dua elemen penting yang membentuk keperibadian amil. Kajian yang dilakukan oleh Roshaiza Taha. mendapati amalan kerohanian seperti solat, puasa dan haji mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tahap ketelusan amil yang seterusnya dapat mempengaruhi prestasi institusi zakat di Malaysia⁵⁴. Ia disokong oleh kajian Abrar et al. yang menyatakan pengamalan akhlak Islam yang membentuk sifat amanah seperti ibadah solat dan ibadah puasa, wajar dijadikan piawaian dalam penilaian tahap kompetensi dan profesionalisme amil setiap tahun⁵⁵.

Amil yang berpegang teguh dengan akhlak Rasulullah SAW akan menzahirkan nilai kompetensi terbaik dalam pekerjaan mereka. Menurut Irda et al., amil perlu mencontohi sifat-sifat mulia Rasulullah SAW dalam menjalankan tanggungjawab iaitu sifat *siddiq, amanah, fathonah* dan *tabligh* yang mewakili prinsip akauntabiliti, integriti, inovatif dan profesionalisme dalam pengurusan zakat⁵⁶. Malah menurut Abrar et al., pengamalan sifat *tabligh, warak* dan *qanaah* yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW merupakan jaminan kualiti terhadap nilai akauntabiliti amil kerana mereka akan berusaha sedaya mungkin melaksanakan tanggungjawab tanpa memikirkan habuan dunia yang lain⁵⁷.

Selain itu, beberapa kajian telah menumpukan terhadap sifat integriti amil dalam penyediaan laporan kewangan zakat⁵⁸. Amalan pelaporan zakat yang lengkap

⁵⁴ Roshaiza (2017). Religiosity and Tranparency in The Managemant of Zakat Institutions. *Journal of Legal, Ethical and Regulatory Issues*. Vol. 20. Issus 1. h 1-9

⁵⁵ Abrar et al. (2021). The Effect of Amil's Islamic Characteristics on The Quality of Financial Reporting of Zakat Management Organizations (ZMO): Good Governance as Intervening Variable. *International Journal of Islamic Business*. 6 (1), 15-31.

⁵⁶ Irda Agustin Kustiwi & Tjiptohadi Sawarjuwono. (2021). Responsibility Accounting on Amil Zakat Organization. *Journal of Accounting Auditing and Business*. 4 (1). h. 32-40

⁵⁷ Abrar et al (2021). *op.cit.* h. 19

⁵⁸ Norfaiezah Sawandi, Norazita Marina Abdul Aziz & Ram al Jaffari Saad. (2017). Zakat Accountability Practices: Case Study of Zakat Institution. *International Journal of Economic Research*. 14 (16). h 223-232; Hairunnizam et al. (2017).



dan komprehensif menggambarkan kualiti keperibadian amil yang telus dan teliti dalam pelaksanaan tugas⁵⁹. Menurut Muhsin, amil perlu menolak mentaliti bahawa penyediaan laporan zakat hanyalah peranan pihak institusi zakat semata-mata, sebaliknya mereka yang bertugas di lapangan juga turut sama berperanan dalam menyediakan rekod atau laporan kutipan dan agihan, menyerahkan laporan kepada institusi zakat secara berkala, serta melakukan audit sendiri, kerana mereka sentiasa terdedah dengan risiko ketidakpercayaan masyarakat⁶⁰.

Amalan pelaporan zakat yang baik bukan sekadar memenuhi tanggungjawab sosial semata-mata, tetapi ia menepati perintah Allah untuk memelihara kemuliaan harta zakat untuk diuruskan sebaiknya. Menurut Irda et al., amalan pelaporan yang telus adalah menepati konsep menjaga hubungan dengan Allah dalam aspek keikhlasan kerja sebagai ibadah, serta konsep menjaga hubungan sesama manusia dalam aspek menunaikan tanggungjawab hakiki⁶¹. Selain itu, menurut Ram al-Jaffri et al., sifat utama dalam prinsip akauntabiliti pengurusan zakat adalah meliputi kewajipan bertakwa kepada Allah, melaksanakan kerja dengan jujur, amanah, menepati janji, bekerjasama, serta saling memaafkan antara satu sama lain⁶².

Menurut Azura et al., terdapat pelbagai usaha dilakukan bagi menambah baik kualiti dan budaya kerja amil sama ada di peringkat institusi zakat atau amil di lapangan, seperti kempen penerapan nilai murni, amalan profesionalisme korporat,

Pendedahan Maklumat Zakat bagi Pelaporan Institusi Islam: Kajian Terhadap Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. Dlm. Zahari Mahad Musa et al. *Memperkasakan Kutipan dan Agihan di Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM. h. 287-300

⁵⁹ Naz'aina. (2015). The Effect of Internal Control System and Amil Competence on the Financial Reporting Quality at Zakat Management Institution Active Member of Zakat Forum in Special Capital City Region Jakarta and West Java Provinces. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*. 211. 753-760

⁶⁰ Muhsin Nur Paizin. (2016). Institusi Pungutan Zakat (IPZ): Menilai Objektif Institusi. Dlm. Razali Md. Jani, et al. *Menelusuri Isu-Isu Kontemporari Zakat*. Kuala Lumpur: PPZ. h. 324.

⁶¹ Irda Agustin Kustiwi. (2021). *op.cit.* h. 36

⁶² Ram Al jaffri Saad, Norazita Marina Abdul Aziz & Norfaiezah Sawandi. (2014). Islamic Accountability Framework in the Zakat Funds Management. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. vol. 164. h. 508-515.



bengkel pengucapan awam, dan seminar penghayatan kerja sebagai ibadah⁶³. Selain itu, terdapat beberapa pengkaji yang mencadangkan penggunaan sebuah kod etika amil yang setanding dengan kod etika jawatan profesional lain⁶⁴. Kod etika ini adalah menggabungkan prinsip asas Islam dan etika konvensional yang selaras dengan amalan prinsip syariah seperti integriti, objektiviti, kecekapan, kerahsiaan dan tingkah laku profesional⁶⁵. Malah ia berfungsi sebagai garis panduan amil yang komprehensif, holistik dan fleksibel seterusnya memandu pencapaian kompetensi peribadi amil secara konsisten⁶⁶.

Kajian Mohamad Naimi et al. telah menyentuh mengenai kompetensi keilmuan amil. Menurutnya kerjaya amil memerlukan individu yang mempunyai pengetahuan asas zakat mencakupi hal ehwal kutipan zakat, agihan zakat dan ilmu berkaitan pengurusan kewangan⁶⁷. Walaupun amil tidak semestinya seorang yang pakar dalam hal ehwal agama atau memegang jawatan penting dalam sesebuah organisasi tempatan, namun mereka perlu mengetahui secara mendalam mengenai hukum dan kaedah pengiraan zakat yang betul, mampu berkomunikasi dengan baik serta mengetahui secara mendalam mengenai latar belakang masyarakat di kawasannya⁶⁸. Menurut Ahmad Nasir et al., amil yang berilmu ialah amil yang mengetahui hukum zakat dan berusaha menambah ilmu fardu ain yang lain⁶⁹. Selain itu, tanggungjawab amil sebagai pendidik juga menuntut mereka memahami isu-isu semasa zakat dan fatwa berkaitan

⁶³ Azura Mohd. Noor dan Ram Al Jaffri Saad. (2015). Ejen dan Impak Perubahan dalam Pengurusan Zakat. *Prosiding International Islamic Development Management Conference*. USM. h. 361-380

⁶⁴ Md Hairil Md Hussain et al. (2011). *op.cit.* h. 6

⁶⁵ *Ibid.* h. 12

⁶⁶ Muhammad Akhyar Adnan. (2017). *op.cit.* h. 77

⁶⁷ Mohamad Naimi Mohamad Nor et al. (2021). *op.cit.* h. 38-44.

⁶⁸ Hairulfazli Mohammad Som. (2009). Amil Dalam Institusi Zakat Kontemporari: Kajian di Lembaga Zakat Selangor (LZS). Disertasi Sarjana Syariah. Jabatan Fiqh dan Usul. Universiti Malaya. h. 36

⁶⁹ Ahmad Nasir Mohd Yusoff dan Zuhaimi Abd Rahim. (2020). *Merungkai 192 Persoalan Zakat, Agihan dan Amil*. Serdang: Penerbit UPM. h. 78



zakat melalui aktiviti perbincangan, forum, bengkel, atau seminar yang sering dianjurkan oleh institusi zakat dan institusi pengajian tinggi⁷⁰.

Amalan kompetensi kemahiran amil telah disentuh oleh beberapa pengkaji yang cenderung mengkaji jenis-jenis kemahiran pengurusan zakat secara berasingan seperti kemahiran kutipan, kemahiran agihan, kemahiran perakaunan zakat dan kemahiran teknologi. Misalnya kajian Nurhadi yang mengkaji tentang isu kemahiran kutipan zakat pendapatan mendapati kemahiran menguruskan data pembayar zakat menjadi aspek kritikal yang perlu diberi perhatian kerana terdapat dalam kalangan mereka tidak mempunyai kemahiran menguruskan data secara bersistematik sehingga menyukarkan rujukan dibuat apabila diperlukan⁷¹.



dan taklimat zakat telah memberikan impak yang cukup berkesan ke atas kutipan zakat pendapatan di Selangor⁷². Selain itu, Mohamad Ishak et al. mencadangkan beberapa langkah yang perlu dilakukan oleh amil untuk meningkatkan hasil kutipan zakat perniagaan iaitu meningkatkan kemahiran konsultasi dengan peniaga, menjalinkan hubungan yang baik dengan persatuan-persatuan perniagaan, serta mendidik para peniaga untuk mentaksir sendiri zakat perniagaan mereka⁷³. Hal disokong oleh Mohd Yahya et al., yang menggesa agar amil lebih kerap turun padang membantu pembayar

⁷⁰ Muhsin Nor Paizin. (2014). *op.cit.* h. 484

⁷¹ Nurhadi Wiraatmaja. (2014). *op.cit.* h. 204

⁷² Muhsin Nor Paizin dan Suhaili Sarif. (2016). Kemudahan Pembayaran Zakat: Tinjauan di Wilayah Persekutuan dan Selangor. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 10. h. 74

⁷³ Mohamad Ishak Mohamad Ibrahim, Izzatul Husna Ridzwan, & Mohd Rizuan Abdul Kadir. (2016). Faktor-Faktor Halangan Terhadap Potensi Kutipan zakat Perniagaan. *International Journal Business and Law*. 9 (5). h. 188.



zakat dalam mengira zakat serta mendidik mereka agar lebih cakna dan peka untuk menunaikan zakat⁷⁴.

Kajian Nur Hafizah et al. mengenai kecekapan kutipan zakat di Wilayah Persekutuan mendapati sikap proaktif amil yang membuka banyak kaunter zakat telah menggalakkan penyertaan orang ramai untuk membayar zakat⁷⁵. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Mohd Faisol yang mendapati semakin banyak kemudahan dan inisiatif untuk memudahkan pembayaran zakat, semakin tinggi jumlah kutipan yang dicatatkan oleh institusi zakat berkenaan⁷⁶. Namun menurut Ahmad Hidayat et al. pula, prestasi kutipan zakat masih belum memuaskan meskipun berlaku peningkatan hasil kutipan setiap tahun kerana jumlah individu dan entiti perniagaan yang belum menunaikan zakat masih tinggi⁷⁷. Justeru itu, amil perlu terus mengembangkan kemahiran kutipan zakat dengan mempelbagaikan kaedah kutipan yang kreatif dan inovatif bagi meningkatkan potensi kutipan zakat di negara ini.

Menurut Hairunnizam et al., kemahiran menguruskan keseimbangan agihan yang meliputi semua jenis asnaf merupakan cabaran yang terbesar bagi amil⁷⁸. Kajian Eza Ellany et al., mencadangkan beberapa alternatif kepada amil dalam memastikan agihan dibuat dengan adil dan berkesan, seperti menyemak semula *had kifayah*, mempermudah urusan permohonan, serta kerap turun ke lapangan mencari asnaf⁷⁹.

⁷⁴ Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, & Mohamad Ali Roshidi Ahmad. (2013). Kepatuhan Membayar Zakat: Analisis Kutipan Dan Ketirisan Zakat Fitrah Di Selangor. *Jurnal Syariah*. 21(2). h. 191-206.

⁷⁵ Nur Hafizah Ishak & Selamah Maamor. (2013). Kajian Kecekapan Kutipan Zakat di Wilayah Persekutuan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VIII*. h. 421

⁷⁶ Mohd Faisol Ibrahim. (2020). Perbandingan Kaedah Kutipan Zakat Harta Oleh Institusi Zakat Di Negeri-negeri Utara Malaysia. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*. h. 124

⁷⁷ Ahmad Hidayat Buang & Saidatul Badrul Mohd Said. (2014). Pentadbiran Zakat dan Kesedaran Masyarakat Islam Membayar Zakat di Daerah Kota Belud Sabah. *Jurnal Sains Humanika*. 2 (1). h. 125-134

⁷⁸ Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Nor, & Maryam Abd Rashid. (2017). Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Agihan Zakat: Perbandingan antara Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 51 (2). h. 33-46

⁷⁹ Eza Ellany Abdul Lateff, Mohd Rizal Palil, & Mohamat Sabri Hassan. (2014). Prestasi Kecekapan Agihan Kewangan dan Bukan Kewangan di kalangan Institusi Zakat di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 48 (2). h. 51-60

Selain itu, Mohd Faisol et al, menekankan penggunaan instrumen yang sesuai bagi memudahkan urusan pemilihan asnaf sebelum agihan dapat dibuat dengan seimbang⁸⁰. Hal ini kerana, pengurusan agihan yang adil merupakan cerminan terhadap kualiti perkhidmatan amil yang cekap dan amanah.

Kemahiran amil dalam mengurangkan karenah birokrasi menjadi faktor utama yang mempengaruhi keyakinan masyarakat dalam aspek agihan zakat⁸¹. Pandangan ini disokong oleh Mohd Fisul yang menyatakan kepercayaan masyarakat adalah terletak kepada pematuhan amil terhadap amalan standard prosedur kutipan yang ditetapkan oleh institusi zakat di Malaysia⁸². Manakala menurut Pg Mohd Faezul, stigma karenah birokrasi seperti tempoh masa lama untuk memproses agihan dan keperluan pelbagai dokumen sokongan merupakan punca wujudnya persepsi amil kurang cekap dan efisien⁸³. Oleh itu, amat penting bagi amil untuk menambah baik prosedur agihan yang diamalkan agar proses agihan kepada asnaf dibuat dengan mudah dan cepat.

Selain itu, terdapat banyak kajian yang menyentuh mengenai kemahiran perakaunan zakat dalam kalangan amil⁸⁴. Menurut Zahri Hamat, kemahiran perakaunan zakat ialah kemahiran menentukan jumlah harta yang diwajibkan zakat serta kadarnya yang perlu dibayar⁸⁵. Amil perlu memiliki kemahiran perakaunan zakat yang mengabungkan aspek doktrin fiqh zakat serta aspek sains pengurusan zakat bagi

⁸⁰ Mohd Faisol Ibrahim & Muhammad Sahrim. (2019) Peranan Agihan Zakat Sebagai Alat Kewangan Sosial Islam bagi Melaksanakan Hutang Golongan al-Gharimin di Malaysia. *Labuan e-Journal of muamalat and Society*. 13. h. 45-53.

⁸¹ Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad. (2014) Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat: Kajian Terhadap masyarakat Islam di Selangor. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 48 (2). h.41-50

⁸² Mohd Fisul Ismail, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Noor. (2017). Pengurusan Zakat di Malaysia: Suatu Pendekatan Analisis Gelagat. Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Kewangan Islam UKM. h. 67-82

⁸³ Pg Mohd Faezul Fikri Ag Omar (2019). Analisis Prestasi Kecekapan Agihan Zakat: Kajian Di Tabung Baitulmal Sarawak. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. (1), h. 60-78.

⁸⁴ Irda Agustin Kustiwi & Tjiptohadi Sawarjuwono. (2021). *op.cit.* h. 35; Abrar et al (2021). *op.cit.* h. 19; Novendi Arkham Muftadi. (2019). *op.cit.* h. 10; Naz'aina. (2015). *op.cit.* h. 753-760

⁸⁵ Zahri Hamat. (2014). Sustainable Zakat Accounting in Malaysia: An Analysis. *Mediterranean Journal of Social Sciences*. 5(19): h. 139 - 146.



memastikan hasil pelaporan yang menyeluruh dan seimbang⁸⁶. Hal ini kerana menurut Nor Aini, kegagalan amil untuk mengaplikasikan kemahiran perakaunan zakat yang betul, boleh menganiaya pembayar zakat serta memberi kesan terhadap pendapatan mereka terutama golongan petani⁸⁷. Justeru itu, kemahiran perakaunan zakat bukanlah suatu kemahiran yang mudah kerana ia memerlukan pengetahuan dan komitmen yang berterusan⁸⁸. Oleh yang demikian, Mohamad Naimi et al. mencadangkan agar kemahiran perakaunan zakat ini menjadi salah satu teras penilaian ke atas calon amil sebelum pelantikan mereka dibuat bagi memastikan tahap kompetensi mereka terjamin⁸⁹.

Pengaplikasian teknologi terkini dalam urusan kutipan dan agihan zakat telah mewujudkan paradigma baru terhadap kualiti pengurusan zakat di Malaysia. Analisis yang dilakukan oleh Rahisam et al. mendapati terdapat empat kepentingan utama teknologi terhadap pengurusan zakat, iaitu meningkatkan tahap efisien pengurusan amil, transformasi amalan tradisional kepada teknologi *blockchain*, mengurangkan tenaga kerja manual, serta meningkatkan kualiti laporan kewangan⁹⁰. Menurut Dhiaeddine, transaksi zakat secara atas talian merupakan mekanisme yang lebih telus, bersifat disentralisasi, mudah diuruskan, serta sukar digodam kerana ia dijana oleh sistem rangkaian yang berautoriti⁹¹. Oleh demikian, Lukman Hamdani percaya bahawa

⁸⁶ Hairunnizam et al. (2018). Perakaunan bagi Kutipan dan Agihan Zakat Oleh Majlis Agama Islam Negeri: Satu Cadangan Kerangka Kerja syariah. Dlm. Azman Ab Rahman et al. *Kutipan dan Agihan Zakat Malaysia Baharu: Isu, Cabaran dan Harapan*. Nilai: Penebit USIM. h. 116;

⁸⁷ Nor Aini Ali. (2013). Taksiran dan Aplikasi Zakat Padi di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya

⁸⁸ Sanep Ahmad & Ahmad Othman. (2010). Penilaian Semula Taksiran Zakat Perniagaan Korporat Bagi Menghasilkan Satu Nilai Taksiran Zakat Yang Seragam Di Malaysia. *Jurnal Syariah*. 18 (3). h. 565–584

⁸⁹ Mohamad Naimi Mohamad Nor et al. (2021). *op.cit.* h 38-44.

⁹⁰ Rahisam Ramli, Ahmad Faqih Ibrahim, Shahrul Niza Samsudin & Mohd Sabree Nasri. (2021). Keperluan Zakattech Dalam Meningkatkan Kualiti Sistem Pengurusan Zakat di Malaysia: Sorotan Literatur Bersistematik. *Jurnal Maw'izah*. 4. h. 54

⁹¹ Dhiaeddine Rejeb. (2020). Blockchain and Smart Contract Application for Zakat Institution. *International Journal of Zakat*. 5(3), h. 20–29



penggunaan teknologi dalam pengurusan zakat mempengaruhi keyakinan masyarakat terhadap amil⁹².

Kemahiran amil dalam memanfaatkan teknologi terkini dalam tugas sehari-hari dapat meningkatkan kecekapan pengurusan zakat⁹³. Menurut Mohamad Muhaimin et al., penggunaan teknologi mampu mengurangkan kos operasi melalui penjimatan tenaga kerja manusia serta mengurangkan kos pengiklanan zakat⁹⁴. Kesannya pihak pengurusan dapat mengelakkan ketirisan perbelanjaan dalaman seterusnya memanfaatkan peruntukan yang ada bagi menampung kos operasi lain yang lebih penting⁹⁵. Malah, paling utama, ia dapat mengurangkan risiko kecuai dalam kewangan akibat kebergantungan tenaga kerja manusia sepenuhnya⁹⁶.

pemangkin kepada alternatif pembangunan sistem pengurusan zakat berteknologi tinggi⁹⁷. Ini kerana teknologi blockchain bukan sekadar mengenai aplikasi telefon pintar sahaja, malah meliputi formasi data, sistem pentadbiran, sistem rekod dan pengesanan transaksi⁹⁸. Oleh itu, perubahan sistem pengurusan konvensional kepada

⁹² Lukman Hamdani. (2020). Zakat Blockchain: A Descriptive Qualitative Approach. *Jurnal Ekonomi Dan Bisnis*. h. 492–502.

⁹³ Marhanum Che Mohd Salleh, & Chowdhury, M. A. M. (2020). Technological Transformation in Malaysian Zakat Institutions. *International Journal of Zakat*. 5(3). h. 44–56. <http://doi.org/10.37706/ijaz.v5i3.263>

⁹⁴ Mohd Akram Laldin, & Fares Djafri. (2019). Islamic Finance in the Digital World: Opportunities and Challenges. *Journal of Islam in Asia*. 16(3). h. 283–299.

⁹⁵ Ibrahim Ahmed, T. A., & B. Zakaria, M. S. (2021). Using Blockchain for Managing Zakat Distribution: a Juristic Analytical Study. *Al Hikmah International Journal of Islamic Studies and Human Sciences*. 4(2) h. 1–25. <http://doi.org/10.46722/hkmh.4.2.21b>

⁹⁶ Siti Nabihah Esrati, Shifa Mohd Nor, Mariani Abdul Majid. (2018). Fintech (Blockchain) Dan Pengurusan Zakat Di Malaysia. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke 13*. h. 35

⁹⁷ Ibrahim Ahmed et al. (2021). *op.cit.* h. 20; Lukman Hamdani. (2020). *op.cit.* 499; Mohd Akram Laldin & Fares Djafri. (2019). *op.cit.* h. 286

⁹⁸ Marhanum Che Mohd Salleh, & Chowdhury, M. A. M. (2020). *op.cit.* h. 49



sistem teknologi *blockchain* mampu memberi manfaat terhadap perkembangan agihan zakat asnaf yang lebih pantas dan berkesan⁹⁹.

Terdapat juga beberapa kajian yang menfokuskan perbincangan mengenai amalan inovasi amil di peringkat institusi zakat, masjid dan IPT. Kajian Aishath Muneeza dan Shahbaz Nadwi misalnya telah berkongsi beberapa bentuk inovasi kutipan dan agihan yang dilakukan oleh amil di Malaysia seperti memperkenalkan mesin ATM beras, aplikasi telefon, pembayaran zakat melalui laman sesawang dan teknologi kewangan (*fintech*)¹⁰⁰. Manakala kajian Rendy et al. pula telah meninjau penggunaan aplikasi telefon pintar dalam meningkatkan keberkesanan kutipan zakat yang mana menurutnya kekerapan pembayaran zakat melalui aplikasi telefon tidak menunjukkan peningkatan yang signifikan meskipun hasil kutipan zakat adalah meningkat¹⁰¹. Hal ini kerana, terdapat inovasi amil yang tidak mengambil kira kesesuaian latar belakang pendidikan, ekonomi, dan cara hidup masyarakat setempat sebelum memperkenalkannya kepada umum¹⁰². Misalnya inovasi berbentuk aplikasi telefon pintar yang tidak sesuai diperkenalkan kepada penduduk di kawasan pedalaman yang sukar mengakses internet. Justeru amat penting bagi amil melaksanakan tinjauan keperluan dan kajian kebolehgunaan bagi menilai manfaat yang diperolehi serta risiko yang akan ditanggung terlebih dahulu sebelum mengimplementasikan inovasi zakat¹⁰³.

⁹⁹ Ahmad Shukri Yusoff. (2019). Pemerkasan Kutipan dan Agihan Zakat Melalui Fintech. Muzakarah Zakat Kebangsaan 2019. Nilai, Negeri Sembilan. h. 63

¹⁰⁰ Aishath Muneeza and Shahbaz Nadwi. The Potential of Application of Technology-Based Innovations for Zakat Administration in India. *International Journal of Zakat*. 4 (2). h. 90

¹⁰¹ Rendy Pambajang Syahputra & Achsanah Hendratni. (2020). Pendayagunaan Zakat Mobile Dalam Penghimpunan Zakat. *Jurnal Ekonomi Syariah Teori Dan Terapan*. 7(8). h. 1598–1606

¹⁰² Iwan Setiawan. (2019). Inovasi Penyaluran Dana Zakat Pada Program Pemberdayaan di Lembaga Amil Zakat. *Asy-Syari'ah*. 21 (1). h. 58

¹⁰³ Hidayah Sulaiman, Zaihisma Che Cob & Norashikin Ali. (2015). Big Data Maturity Model for Malaysian Zakat Institution to Embark on Big data Initiatives. 4th International Conference on Software Engineering and Computer Systems. h. 61-66



Setiap inovasi yang berasaskan teknologi mempunyai kelebihan tersendiri yang dapat menyelesaikan isu ketirisan dan pembaziran tenaga kerja¹⁰⁴. Kajian Mohd Murshidi et al. mendapati inovasi agihan zakat menggunakan aplikasi e-dompet amat bermanfaat dalam memberikan kemudahan, keselamatan, pengawalan perbelanjaan serta memenuhi keperluan harian pelajar asnaf di kampus. Hal ini menurut Muhammad Ridhwan et al., inovasi seperti ini telah membantu amil meningkatkan kecekapan serta menyelesaikan isu karenah birokrasi melalui tiga kriteria, iaitu ketepatan maklumat asnaf, ketepatan jumlah agihan dan ketepatan masa agihan¹⁰⁵. Malah penjanaaan penyata agihan secara automatik melalui sistem tersebut dapat menjimatkan masa amil untuk menyediakan laporan kepada pihak berkepentingan¹⁰⁶.

Menurut Mohamad Sabri et al., inovasi pengurusan zakat yang bernilai bukan terletak kepada kecanggihan teknologinya semata-mata, namun ia adalah penghasilan idea dan konsep baharu yang mampu memudahkan urusan pembayar zakat serta meningkatkan kesejahteraan hidup asnaf¹⁰⁷. Misalnya, inovasi yang dilakukan oleh amil Universiti Pendidikan Sultan Idris yang menambah baik sistem pengurusan temu duga dan meningkatkan keberkesanan penyampaian maklumat agar lebih efektif, murah dan mesra pelanggan merupakan inovasi pengurusan zakat yang telah memberi manfaat kepada ramai asnaf dan pembayar zakat di IPT tersebut¹⁰⁸. Selain itu, inovasi gerobok rezeki (*food bank*) oleh amil zakat negeri Kedah yang walaupun kelihatan

¹⁰⁴ Tajuddin et al. (2019). Hubungan Orientasi Matlamat, Pemantauan Kendiri Dan Tingkah Laku Kerja Inovatif: Komitmen Afektif Sebagai Pengantara. *Jurnal Pengurusan*. 56. h. 13

¹⁰⁵ Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, Mohd asyraf Yusof, Mohamad Haji Alias & Mohd Nazri Mohd Noor. (2021). Kajian Literatur Mengenai Sistem Zakat Atas talian dan Hubungannya dengan Kutipan Zakat di Malaysia. *International Journal of Business and Economy*. 3 (3). h. 64

¹⁰⁶ Marhanum Che Mohd Salleh & Mohammad Abdul Matin Chowdhury. (2020). *op.cit.* h. 42

¹⁰⁷ Mohamad Sabri Haron & Riki Rahman. (2016). Pengagihan Zakat Dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu injauan Berasaskan Maqasid Syariah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 10. h. 129-140

¹⁰⁸ Rosliza @ Rosli Mahmud, Ibrahim Hashim, & Mohd Azhar Mamat. (2011). Inovasi dalam Pengurusan Zakat: Pengalaman Universti Pendidikan Sultan Idris. Kertas Kerja Persidangan Majlis Hal Ehwal Islam Institusi Pengajian Tinggi Malaysia pada 22-24 November 2011. h. 8

ringkas, namun telah berjaya membantu asnaf fakir dan miskin di pedalaman untuk mendapatkan keperluan harian terutama semasa mengharungi tempoh sukar akibat perintah kawalan pergerakan disebabkan pandemik COVID-19¹⁰⁹. Semua hasil inovasi ini telah diiktiraf keberkesanannya dalam memberi nilai tambah terhadap kualiti perkhidmatan amil di seluruh negara¹¹⁰.

Amalan konsultasi zakat yang cemerlang adalah berkait rapat dengan kemahiran berkomunikasi, kecekapan dalam perakaunan zakat serta nilai-nilai positif yang diterapkan oleh amil setiap hari. Kemahiran konsultasi dalam kalangan amil sangat penting dan sentiasa relevan walaupun pelbagai kemudahan kalkulator zakat atas talian telah disediakan¹¹¹. Hal ini kerana menurut Fidlizan et al., kebanyakan pekerja kumpulan profesional di institusi pengajian tinggi masih memerlukan khidmat amil bagi membantu menghitung kadar zakat pendapatan yang perlu dibayar oleh mereka¹¹². Malah peningkatan kesedaran membayar zakat secara tidak langsung telah meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan perakaunan zakat terutama di syarikat-syarikat perniagaan¹¹³.

Oleh itu, amalan konsultasi zakat yang cekap, mesra dan berorientasikan pelanggan perlu dihayati dan menjadi teras dalam kerjaya amil¹¹⁴. Slogan ‘pelanggan sentiasa betul’ dan ‘pelanggan diutamakan’ menggambarkan sifat mesra amil dalam

¹⁰⁹ Haniff et al. (2021). Inisiatif Dan Inovasi Institusi Zakat Era Pendemik Covid-19—Satu Penelitian Terhadap Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZKN). *International Journal of Islamic Business*, 6(2). h. 10

¹¹⁰ *Ibid.* h. 13

¹¹¹ Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin, Salwa Amirah Awang, & Abdul Majid Tahir Mohamed. (2016). Islam di Malaysia: Tertunaikah bayaran Zakat pendapatan? *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*. 12 (8). h. 53

¹¹² Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Fatimah Salwa Abdul Hadi & Norhamizah Saidin. (2016). Kepatuhan Pengiraan Zakat Pendapatan Kumpulan Profesional di Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Sains Humanika*. 8 (3). h. 1-7

¹¹³ Adibah Abdul Wahab. (2019) Satu Analisis Kualitatif Terhadap Faktor Pendorong Pembayaran Zakat oleh Syarikat. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 1 (1). h. 1-14

¹¹⁴ Mohd Rais Alias. (2016). Pembangunan Institusi Zakat di Malaysia. Dlm. Razali Md. Jani, Muhsin Nor Paizin, Luqman Abdullah dan Muhamad Ikhlas Rosele. *Menelusuri Isu-Isu Kontemporari Zakat*. Kuala Lumpur: PPZ. h. 342

menyantuni pelanggan tanpa mengira taraf kedudukan dan darjat walaupun asnaf dan pembayar zakat adalah daripada pelbagai latar belakang dan taraf masyarakat¹¹⁵. Ia bertepatan dengan objektif yang digariskan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam meningkatkan kualiti dan mutu perkhidmatan amil dalam menyantuni asnaf dan pembayar zakat di negeri tersebut¹¹⁶.

Secara ringkasnya, perbincangan dalam bahagian ini telah menyorot pandangan yang telah dikemukakan oleh pengkaji lepas mengenai peranan dan amalan profesionalisme amil, pengurusan zakat di IPT, dan amalan kompetensi amil dalam aspek keperibadian, keilmuan dan kemahiran. Secara keseluruhannya, kajian mengenai strategi meningkatkan hasil kutipan dan kecekapan agihan zakat telah mendominasi perbincangan kajian-kajian lepas. Manakala amalan kompetensi amil hanya dibincangkan secara sampingan dan tidak dikaji secara mendalam. Pengkaji mendapati, kajian yang menyentuh amalan kompetensi amil di institusi pengajian tinggi adalah terhad selain masih belum terdapat lagi kajian mengenainya dilakukan di politeknik Malaysia¹¹⁷. Perbincangan ini sangat membantu pengkaji untuk meneroka secara mendalam bagi memantapkan lagi hasil dapatan kajian seterusnya menutup kelompongan yang terdapat dalam kajian lepas.

¹¹⁵ *Ibid.* h. 348

¹¹⁶ Muhammad Firdaus Suhaimi, Abdul Ghafar Don, & Anuar Puteh. (2021). Pembangunan Asnaf di Selangor Melalui Program Latihan. *Qalam International Journal of Islamic and Humanities Research*. 1 (2). h. 94

¹¹⁷ Nasrul Hisyam Nor muhamad, Mohd Fami Mohd Sahid, Mohd Khairy Kamarudin, & Kamaliah Abdul karim. (2018). Zakat Distribution to Fi sabilillah Asnaf in Higher Education Institution. *International Journal of Academic Research in Bussiness & Social Sciences*. 8 (9). h. 138-149; Muhammad Rizal Bin Jalil, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad. (2017). *op.cit.* h. 58; Abd Rahman Abd Ghani, Mohd Noor Daud & Mohd Abdul Nasir Abd Latif. (2016). Pengurusan Wang Tabung Amanah Zakat Pusat Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Jurnal Perspektif*. 8 (1). h. 96-105;

1.4 Pernyataan Masalah

Amalan pengurusan zakat yang moden dan bersistematik telah berjaya mengubah institusi zakat menjadi sebuah institusi yang unggul seterusnya mencatatkan peningkatan kutipan zakat yang membanggakan. Pelbagai dasar dan pendekatan terus dirancang bagi mengoptimumkan kualiti perkhidmatan zakat kepada masyarakat. Antara pendekatan tersebut ialah pelaksanaan konsep wakalah pengurusan zakat di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)¹¹⁸.

Amalan ini telah memberi peluang kepada IPT untuk dilantik sebagai amil bagi menguruskan kutipan zakat serta mengagihkannya kepada asnaf di tempat mereka. Usaha ini wajar dipuji kerana telah mendekatkan peranan institusi zakat dengan pembayar zakat dan asnaf di IPT melalui pelantikan amil dalam kalangan kakitangan mereka sendiri. Perkembangan ini menunjukkan tradisi pelantikan amil dalam kalangan pegawai institusi zakat dan masjid telah diperluaskan kepada kakitangan IPT¹¹⁹. Walaupun kaedah ini dikatakan berkesan bagi meningkatkan hasil kutipan zakat, namun ia telah menimbulkan persoalan mengenai tahap kualiti amil yang baru dilantik tanpa mempunyai latar belakang dan pengalaman dalam bidang pengurusan zakat secara khusus.

Islam mengiktiraf peranan amil sebagai penghubung di antara pembayar zakat dengan asnaf. Walaupun kedudukan amil hanya tertumpu dalam aspek pengurusan zakat, namun peranan mereka mampu menjelmakan hikmah zakat terutama dalam

¹¹⁸ Atiah Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2017). Kontrak Wakalah dalam Agihan zakat: Kajian di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Dlm. Hairunnizam Wahid et al. (2017) Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat. Bangi: UKM. h. 176

¹¹⁹ Muhsin Nor Paizin & Suhaili Sarif. (2021). *op.cit.* h. 198-220

menghapuskan kemiskinan¹²⁰. Jika dahulu, tugas amil hanya mengutip dan mengagihkan zakat sahaja, sebaliknya kini kemajuan sistem tadbir urus zakat telah menuntut penglibatan amil dalam pentadbiran harta zakat yang lebih kompleks dan berisiko tinggi¹²¹. Justeru, tanpa memiliki jati diri dan kemahiran yang bersesuaian, amil terdedah dengan pelbagai isu kebejatan sosial yang boleh mengundang pandangan buruk masyarakat terhadap mereka. Oleh hal demikian, perbincangan penyataan masalah akan memperincikan isu-isu berkaitan integriti, tahap penguasaan ilmu, dan profesionalisme amil dalam mendepani cabaran semasa.

1.4.1 Ketandusan Integriti Amil Mengikis Kepercayaan Masyarakat Terhadap Institusi Zakat

Integriti merupakan asas penting dalam pembentukan keperibadian seorang amil. Fuqaha seperti Ibn Qudamah telah menetapkan sifat ini sebagai kriteria utama dalam pelantikan amil¹²². Malah al-Nawawi berpandangan asas integriti itu mesti bermula dengan keperibadian seseorang yang adil¹²³. Sebagai ejen pembangunan ummah, amil haruslah merupakan individu yang boleh dipercayai serta dipandang tinggi untuk menyelesaikan keperluan asnaf. Hal ini selari dengan syarat kelayakan amil yang ditetapkan oleh kebanyakan institusi zakat iaitu mereka mestilah dilantik dalam kalangan muslim yang dipercayai serta memiliki hati budi yang luhur dan perwatakan

¹²⁰ Ahmad Nasir Mohd Yusoff & Zuhaimi Abd Rahim. (2020). *op.cit.* h. 77

¹²¹ Ahmad Shukri Yusoff. (2018). Kepimpinan Transformasi Amil Dalam Menerajui Keberkesanan Organisasi Zakat. Dlm. Azman Ab Rahman et al. *Kutipan dan Agihan Zakat Malaysia Baharu: Isu Cabaran dan Harapan*. Nilai: Penerbit USIM. h. 11-23

¹²² Ibn Qudāmah al-Maqdisī. (2004). *Al-Mughni wa Yālihi al-Sharh al-Kabīr*. t.tp: Dār al-Kitāb al-ʿArabi. h. 302

¹²³ Al-Nawāwī. (1991). *Rawdat al-Ṭālibīn wa Umdat al-Muftīn*. Edisi 3. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī; Al-Qaradawī, Yūsuf. (1999). *op.cit.* h. 581

yang baik¹²⁴. Justeru, integriti merupakan nadi utama kepada pencapaian hasil kerja berkualiti dengan berlandaskan ciri-ciri kerja bersepadu dan menyeluruh.

Integriti merupakan faktor penentu bagi mengukur tahap sokongan masyarakat terhadap sesuatu perkhidmatan. Sebagai individu yang menguruskan dana awam, amil sewajarnya mengutamakan kepentingan umum melebihi kehendak dirinya sendiri dengan bertindak menurut prinsip moral, etika dan undang-undang serta melaksanakan tugas dengan cekap dan berkualiti. Namun menurut Mohamad Muhaimin et al., integriti amil di Malaysia masih berada di tahap bermasalah dan selalu mendapat perhatian ramai¹²⁵. Melalui penelitian ke atas kajian-kajian lepas, terdapat empat jenis masalah integriti yang membelenggu amil iaitu pecah amanah, gagal menyerahkan kutipan dalam tempoh ditetapkan, amil rentas sempadan dan amil tanpa tauliah¹²⁶. Kesemua masalah integriti ini bukan sahaja melibatkan amil yang bertugas di institusi zakat, malah turut melibatkan amil lantikan yang bertugas di luar institusi seperti amil masjid, amil profesional, amil korporat dan penolong amil¹²⁷.

Isu amil pecah amanah merupakan isu terbesar yang mampu menggugat kepercayaan awam terhadap institusi zakat di negara ini. Pecah amanah merupakan perbuatan mensia-siakan kepercayaan orang lain dengan menipu atau menyeleweng

¹²⁴ MAIPk. (t.t). Manual Pengurusan Amil Negeri Perak. h. 43; Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam (Terengganu). (2001). Dalam Warta Kerajaan Terengganu Darul Iman. (2019). 72 (16). h. 36

¹²⁵ Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki & Jasni Sulong. (2019). Amalan Hisbah Dalam Kalangan Amil Zakat: Kajian di Lembaga Zakat Negeri Kedah. Proceeding of the 14th ISDEV International Islamic Development Management Conference. h. 311-322

¹²⁶ Azman Ab Rahman et al. (2019). Kutipan Zakat di Negeri Lain oleh Ejen dan Amil Tidak Bertauliah Menurut Syarak. Journal of Fatwa Management and Research. Special Edition. h. 18-30

¹²⁷ Baharom Bakar. (2020, April 5). Jangan bayar zakat pada amil tanpa tauliah. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/688554/jangan-bayar-zakat-pada-amil-tanpa-tauliah>; Shahrinnahar Latib. (2016, Jun 28). Jangan terpedaya amil palsu. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/2645/2016/06/169168/jangan-terpedaya-amil-palsu>; Mohd Sabran Md Sani. (2019, Mei 4). Waspada Amil Zakat Tanpa Tauliah. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/05/459641/waspada-amil-zakat-tanpa-tauliah>; Lembaga Zakat Negeri Kedah. (2020, Jun 2). Majlis penyerahan dan agihan zakat serta pentauliahan amil. <https://www.zakatkedah.com.my/majlis-penyerahan-dan-agihan-zakat-serta-pentauliahan-amil>



harta¹²⁸. Sungguhpun tiada data terperinci yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa, namun isu ini selalu mendapat tempat di dada akhbar dan media tempatan. Misalnya, dalam satu kes yang dibicarakan di Kulai, Johor, seorang amil didapati bersalah kerana pecah amanah ke atas hasil kutipan zakat fitrah berjumlah RM 19 510. Beliau yang dibicarakan mengikut Seksyen 408 Kanun Keseksaan telah dihukum penjara selama empat tahun dan tiga kali sebatan¹²⁹. Sementara itu di Pulau Pinang, seorang amil telah didakwa di mahkamah kerana memasukkan wang zakat berjumlah RM 2 592 ke dalam akaun peribadi untuk kegunaannya sendiri¹³⁰. Kes yang sama juga berlaku di Selangor pada tahun 2019, apabila seorang amil didakwa pecah amanah wang zakat bernilai RM 4 750 yang telah dijadikan wang milik peribadinya¹³¹. Pendedahan kes-kes ini menggambarkan bahawa isu integriti amil berada pada tahap yang serius serta perlu diberi perhatian oleh semua pihak.



Urusan kutipan zakat di Malaysia telah diperuntukkan di bawah undang-undang negeri yang memberi kuasa kepada amil yang dilantik dan bertauliah sahaja. Kuasa yang diberikan ini adalah bersifat setempat dan tidak boleh merentasi kawasan negeri lain¹³². Ketetapan ini dibuat bagi meningkatkan kecekapan dan keadilan kepada institusi zakat dalam mentadbir harta zakat di setiap negeri¹³³. Namun, kegiatan mengutip zakat di negeri lain dilihat semakin berleluasa terutama di Wilayah

¹²⁸ Kamus Dewan. (t.t). Pecah Amanah. Dlm. Kamus Dewan Edisi Keempat. Dicapai pada 6 April 2021. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pecah+amanah>

¹²⁹ mStar online. (2011, November 1). Pecah amanah: Bekas amil dipenjarakan empat tahun, tiga sebatan. mStar Online. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2011/11/01/pecah-amanah-bekas-amil-dipenjarakan-empat-tahun-tiga-sebatan>

¹³⁰ Shamsul Munir Safini. (2018, Mei 4). Kakitangan Zakat Didakwa Pecah Amanah. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/05/426013/kakitangan-zakat-didakwa-pecah-amanah>

¹³¹ Farabi Said Al Jabri. (2019, September 5). Amil zakat pecah amanah lebih RM 4000 didakwa. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2019/09/amil-zakat-pecah-amanah-lebih-rm4000-didakwa/>

¹³² Syed Mohd Najib Syed Omar et al. (2017). Dlm. Zahari Mahad Musa, Azman Ab Rahman & Adibah Abdul Wahab. (2017). Memperkasa Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia. Nilai: Penerbit USIM. h. 393-407

¹³³ Mohammad Farid Mohammad Zainal. (2017). Kajian Migrasi Zakat Dari Selangor Ke Luar Negeri Selangor Oleh Pihak Tidak Bertauliah: Analisis Dari Sudut hukum Syarak dan Perundangan. Dlm. Zahari Mahad Musa, Azman Ab Rahman & Adibah Abdul Wahab. (2017). Memperkasa Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia. Nilai: Penerbit USIM. h. 229-239



Persekutuan dan Selangor. Contohnya, Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan sering menerima aduan berkaitan amil zakat yang tidak bertauliah yang mengutip zakat fitrah dan zakat pendapatan di beberapa premis di Kuala Lumpur¹³⁴. Selain itu, dalam satu kes di Selangor, seorang amil didapati bersalah dan dihukum denda RM 2,000 atau penjara sembilan hari kerana memungut zakat tanpa kebenaran pihak berkuasa negeri. Beliau yang merupakan amil lantikan negeri Perlis telah membuka kaunter untuk mengutip zakat pendapatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Sepang¹³⁵. Kes ini menunjukkan tahap integriti amil semakin tercalar akibat sikap rakus untuk mendapatkan hasil kutipan yang banyak tanpa mempedulikan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Kemerosotan integriti seseorang amil memberikan implikasi yang sangat buruk kepada peranan amil dalam sistem tadbir urus zakat. Kejatuhan integriti boleh mengikis kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat yang sebelum ini dipandang tinggi kerana peranannya dalam membela nasib asnaf¹³⁶. Kesannya wujudlah kelompok masyarakat yang lebih selesa membayar zakat terus kepada asnaf tanpa melalui amil¹³⁷. Situasi ini akan menimbulkan kebarangkalian zakat tidak sampai kepada asnaf yang layak, seterusnya gagal mencapai objektif agihannya seperti yang ditetapkan syarak.

Islam meletakkan nilai amanah sebagai komponen utama dalam piawaian pembangunan sumber manusia. Ini kerana, kualiti keperibadian amil bukan diukur

¹³⁴ Azman et al. (2019). *op.cit.* h. 19

¹³⁵ Sarip Abdul, Mohamed Hadi Abd Hamid, & Ibrahim Ismail. (2017). Amalan Kutipan Zakat Rentas Sempadan Tanpa Tauliah: Satu Penelitian Awal. Dlm. Zahari Mahad Musa, Azman Ab Rahman, & Adibah Abdul Wahab. (2017). Memperkasa Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia. Nilai: Penerbit USIM. h. 73-87

¹³⁶ Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad. (2014). Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat: Kajian Terhadap Masyarakat Islam di Selangor. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 48 (2). h. 41-50

¹³⁷ Mohd Rusydi Ramli & Luqman Abdullah. (2016). Agihan Zakat Terus Kepada Asnaf: Analisis Fiqh dan Kedudukannya di Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 10. h. 87-100

sekadar pencapaian hasil kutipan yang diperolehinya, tetapi juga melihat tahap integriti dan akhlaknya. Institusi zakat bukan hanya memerlukan amil yang cekap, tetapi juga berintegriti. Namun integriti ini tidak dapat diukur secara kuantitatif. Persoalannya, bagaimanakah ukuran sebenar untuk dicontohi akan aspek integriti dan keperibadian seseorang amil? Maka suatu kajian yang komprehensif dan terperinci perlu dilakukan ke atas amil yang berkeperibadian tinggi untuk menghasilkan model yang boleh dicontohi serta menjadi panduan amil yang lain.

1.4.2 Keterbatasan Ilmu Pengetahuan Merencatkan Peranan Amil Terhadap Masyarakat

Manusia merupakan makhluk sosial yang dikurniakan akal untuk meneroka ilmu sepanjang kehidupannya. Penguasaan ilmu dalam bidang kerjaya merupakan asas penting dalam pembangunan sumber manusia di sesebuah organisasi. Menurut al-Ghazali, ilmu pengetahuan, sikap dan kemahiran merupakan tiga asas yang membentuk kompetensi individu dalam sesuatu kerjaya¹³⁸. Kepentingan ilmu dalam Islam bukan sekadar untuk meningkatkan produktiviti organisasi sahaja bahkan untuk membentuk keperibadian muslim yang tinggi serta memberi manfaat kepada orang lain¹³⁹.

Para ulama seperti al-Nawawi, al-Bahuti dan al-Qaradawi meletakkan aspek penguasaan ilmu sebagai syarat utama dalam kelayakan pelantikan amil¹⁴⁰. Penguasaan ilmu ini amat penting dalam pelaksanaan tugas kutipan dan agihan zakat mahupun

¹³⁸ Al-Ghazālī, Abū Hamīd Muḥammad. (1973). *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*. Jil. 6. Kaḥerah: 'Amal Kitābī al-'Arabī. h. 85

¹³⁹ Siti Arni Basir. (2004). Pembangunan Sumber Manusia Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*. Bil 19. h. 211-228

¹⁴⁰ Al-Nawāwī, Muḥyi al-Dīn Abū Zakariya Yahya bin Sharf. (2001). *Al-Majmū' Syarḥ Muḥazzab lil-Syirāzī*. Jil. 5. Kaḥerah: Dār al-Ehya' Turāth al-'Arabī h. 813 ; Al-Bahūtī, Mansūr bin Yunus bin Idrīs. (1982). *Kashshaf al-Qinā'*. Beirut: Dar al-Fikr. h. 86; Al-Qaradawī, Yusuf. (1999). *op.cit.* h. 504

dalam memenuhi tuntutan dakwah di lapangan. Namun kewujudan isu amil tidak cukup ilmu telah merencatkan peranan mereka dalam masyarakat¹⁴¹. Menurut Saiful Bahri, masalah kompetensi amil dalam aspek keilmuan telah mendasari kajian berkaitan peranan amil dalam pengurusan zakat¹⁴². Misalnya Nik Norazmalinda dalam kajiannya menyatakan kegagalan amil menjelaskan ilmu berkaitan zakat perniagaan telah menyebabkan ramai peniaga yang keliru serta tidak faham mengenai jenis zakat tersebut¹⁴³. Justeru itu banyak pihak mengesa agar amil meningkatkan ilmu dan kefahaman mereka membabitkan semua jenis zakat tanpa menghadkan pengetahuan terhadap zakat fitrah sahaja¹⁴⁴.

Isu amil kurang pengetahuan adalah berpunca daripada syarat pemilihan amil yang longgar dan kualiti latihan yang disediakan tidak seragam. Menurut Hairullfazli, proses pemilihan amil tidak menetapkan pengetahuan mendalam mengenai zakat sebagai syarat utama pentauliahan mereka¹⁴⁵. Ia dilihat lebih ketara apabila syarat pelantikan amil yang bukan kakitangan institusi zakat hanya cukup sekadar mampu mengira dan membaca dengan baik, penduduk tetap dan berumur lebih 30 tahun sahaja tanpa ketetapan khusus berkaitan tahap pengetahuan mengenai zakat¹⁴⁶. Malah kebanyakan amil tidak mempunyai latar belakang khusus dalam bidang zakat sebaliknya bergantung penuh kepada latihan oleh institusi zakat semasa berkhidmat¹⁴⁷.

¹⁴¹ Mohamad Naimi Mohamad Nor et al. (2021). *op.cit.* h. 47

¹⁴² Saiful Bahri. (2019). Studi Evaluasi Profesionalisme Amil Zakat Tradisional. *Jurnal Iqtishaduna*. 3. h. 96

¹⁴³ Nik Norazmalinda Abd Aziz. (2011). Pembayaran Zakat dalam Kalangan Pengusaha-Pengusaha Batik di Kota Bharu, Kelantan. Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. H 84

¹⁴⁴ Kasim Mansur, Rozilee Asid & Mohd Safri Saiman. (2021). Pengetahuan dan Kesedaran Menunaikan Zakat: Tinjauan Awal di kalangan Suku Kaum Bajau-Sama di Pantai Barat Sabah. *Azka International Journal of Zakat & Social Finance*. 2. No. 1. h. 114. Ahmad Nasir Mohd Yusoff & Zuhaimi Abd Rahim. (2020). *op.cit.* h. 78; Ahmad Shukri Yusoff. (2018). *op.cit.* h. 16-23; Azman Ab Rahman et al. (2016). *op.cit.* h. 137-139; Azman Ab Rahman. (2014). *op.cit.* h. 53.

¹⁴⁵ Hairullfazli Mohammad Som. (2009). Amil dalam Institut Zakat Kontemporari: Kajian di Lembaga Zakat Selangor. Tesis Sarjana. Universiti Malaya. h. 84

¹⁴⁶ *Ibid.* Terdapat perbezaan jenis-jenis amil selain kakitangan institusi zakat mengikut negeri. Contohnya Lembaga Zakat Selangor terdapat tiga jenis amil bukan kakitangan iaitu amil fitrah, penolong amil dan ejen amil. Manakala di Perak, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak terdapat dua jenis amil bukan kakitangan iaitu amil fitrah dan amil zakat harta yang terdiri daripada amil profesional, amil institusi dan amil perunding.

¹⁴⁷ Azman Ab Rahman et al. (2016). *op.cit.* h. 131



Malangnya, menurut Azman et al., kualiti latihan berupa modul dan tempoh latihan pula tidak seragam di antara institusi-institusi zakat di Malaysia¹⁴⁸. Ia menyebabkan pengisian ilmu zakat yang diterima amil tidak seimbang seterusnya mempengaruhi tahap profesionalisme yang berbeza di setiap negeri. Oleh itu, beliau mencadangkan agar program pensijilan profesional secara bersepadu kepada amil bertauliah segera diperkenalkan bagi mengatasi masalah ini.

Secara asasnya, ilmu zakat adalah merangkumi jenis-jenis zakat, kaedah pengiraannya, syarat-syarat asnaf dan kaedah pembahagiannya¹⁴⁹. Perkembangan ekonomi, sosial dan teknologi telah mengangkat kepelbagaian perbincangan ilmu zakat dengan menyentuh pelbagai isu dan fatwa-fatwa ulama¹⁵⁰. Oleh itu, amil perlu tampil menjelaskan ilmu zakat agar umat Islam celik dan sedar tentang tanggungjawab mereka. Namun, tahap keilmuan amil yang terhad telah membantutkan peranan tersebut sehingga terdapat amil yang tidak mampu menjawab persoalan isu semasa yang dikemukakan oleh orang ramai dengan baik¹⁵¹. Justeru timbul persoalan, kualiti keilmuan yang bagaimanakah yang perlu dimiliki oleh amil bagi melaksanakan peranan mereka dengan cemerlang?

Isu kekurangan ilmu dalam kalangan amil dibimbangi mencetuskan salah faham masyarakat mengenai isu-isu semasa zakat yang sering kali dibincangkan di media-media sosial¹⁵². Bagi mengatasi masalah tersebut, amil bukan sekadar perlu menguasai ilmu asas sahaja, malah mereka perlu mendalami pelbagai cabang ilmu zakat yang lain,

¹⁴⁸ Ibid.

¹⁴⁹ Al-Qaradawī, Yūsuf. (1981). *op.cit.* h. 308

¹⁵⁰ Azman Ab Rahman. (2014). *op.cit.* h. 81

¹⁵¹ Suci Astuti dan Asrori. (2016). *op.cit.* h. 249-250

¹⁵² Khairul Azhar Meerangani et al. (2021). *op.cit.* h. 42



seperti fatwa zakat kontemporari dan ilmu dakwah zakat¹⁵³. Kesemua ilmu ini amat penting dalam meningkatkan kefahaman amil untuk menjelaskan kemusykilan dalam kalangan masyarakat dengan tepat dan berkesan¹⁵⁴.

1.4.3 Penguasaan Kemahiran yang Terhad Telah Menjejaskan Kualiti Tadbir Urus Zakat

Kemahiran mengutip dan mengagih zakat merupakan indikator penting dalam pengurusan zakat yang mantap dan sistematik. Seajar dengan ledakan teknologi semasa, amil seharusnya proaktif dalam mengambil peluang serta memanfaatkan kecanggihan teknologi agar sistem pengurusan zakat lebih kukuh dan mapan. Hal ini kerana, kajian Shawal Kaslam mendapati, penggunaan teknologi secara optimum telah membantu meningkatkan prestasi serta ketelusan tadbir urus zakat di Malaysia¹⁵⁵.

Kepelbagaian teknologi kutipan zakat yang diperkenalkan oleh institusi zakat bukan sahaja memudahkan para muzakki menunaikan ibadah tersebut, malah mencetuskan peningkatan hasil kutipan seterusnya memberi kesan besar terhadap sosio ekonomi ummah¹⁵⁶.

Teknologi media sosial memainkan peranan penting sebagai wadah penyaluran maklumat kepada masyarakat. Ia memberi peluang kepada amil untuk meningkatkan mutu perkhidmatan terutama aspek pelaporan zakat, di samping memupuk kesedaran

¹⁵³ Azman Ab Rahman et al. (2016). *op.cit.* h. 131-139

¹⁵⁴ Azman Ab Rahman & Siti Martiah Anwar. (2013). Peranan Amil Zakat di Malaysia Sebagai Pemangkin Pembangunan Tamadun Ummah. Islamic Philantropy For ummah Excellence. Selangor: Institut kajian Zakat Malaysia. h. 54

¹⁵⁵ Shawal Kaslam. (2009). The Advancement of eZakat for Delivering Better Quality Service and Enhancing Governance Sphere of Zakat Institution in Malaysia. Kertas Kerja dibentangkan dalam World Zakat Forum di Universiti Gajah Mada Yogyakarta, Indonesia. 27-30 Mei 2009. h. 74

¹⁵⁶ Patmawati Ibrahim. (2006). Economic Role of Zakat in Reducing Income Inequality and Poverty in Selangor. Tesis Doktor Falsafah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan. Universiti Putra Malaysia. h. 53

menunaikan zakat dalam kalangan masyarakat¹⁵⁷. Namun kemajuan ini gagal dimanfaatkan sepenuhnya kerana menurut Aliff Nawi et al., penggunaan media sosial oleh amil dalam menjelaskan isu berkaitan pengurusan zakat masih belum memuaskan¹⁵⁸. Akibatnya, isu-isu berkaitan pengurusan zakat yang menjadi perdebatan masyarakat, sering tidak diberi perhatian serius dan tidak dijelaskan secara komprehensif¹⁵⁹. Penyaluran maklumat yang cepat dan tuntas melalui media sosial amat penting bagi mengelakkan penularan maklumat tidak tepat yang mengundang persepsi dan tohmahan orang ramai terhadap amil dan institusi zakat.

Selain itu, perkembangan digitalisasi dalam teknologi maklumat juga tidak dimanfaatkan sepenuhnya dalam aspek agihan zakat. Kajian yang dilakukan Khairul Azhar et al., mendapati kebanyakan amil masih menyediakan borang permohonan yang perlu dihantar secara manual bersama beberapa dokumen sokongan ke kaunter zakat¹⁶⁰. Amalan ini menunjukkan amil masih tenggelam dengan kaedah lama yang membebankan asnaf. Malah, penggunaan teknologi digital dalam aspek agihan juga dilihat ketinggalan, jika dibandingkan dengan kemajuan teknologi kutipan zakat melalui pelbagai platform pembayaran atas talian yang canggih¹⁶¹. Ketidakseimbangan antara aplikasi teknologi kutipan dan agihan ini menunjukkan ketidakprihatinan amil dalam membela nasib asnaf berbanding peningkatan jumlah kutipan setiap tahun¹⁶².

¹⁵⁷ Sulaiman Mahzan, Siti Fairuz Nurr Sadikan, Mohd Abd Malek Md Shah, & Mohd Harun Shahudin. (2018). Peranan ICT Dalam Pengurusan Zakat, Wakaf dan Sedekah: Sorotan Kajian Kes di Malaysia. Dlm. Najahudin Lateh, Adibah Abd Wahab dan Mohammad Farid Mohammad Zainal. (2018). Isu-Isu Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam di Nusantara. Shah Alam: UiTM

¹⁵⁸ Aliff Nawi, Mohd Zailani Mohd Yusof, Chua, Chy Ren & Sahidah Ahmad. (2021). Potensi Infografik Dalam Menangani Persepsi Negatif Netizen Terhadap Institusi Zakat di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 37(1). h. 289

¹⁵⁹ Nurshafika Suhaimi. (2021, Disember 24). LZS perkasa pengurusan zakat ke arah digitalisasi. Berita Harian <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/12/903308/lzs-perkasa-pengurusan-zakat-ke-arrah-digitalisasi>

¹⁶⁰ Khairul Azhar et al. (2021). *op.cit.* h. 39

¹⁶¹ Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, Mohd asyraf Yusof, Mohamad Alias, & Mohd Nazri Mohd Noor. (2021). Kajian Literatur Mengenai Sistem Zakat Atas Talian dan Hubungannya dengan Kutipan Zakat di Malaysia. *International Journal of Business and Economy*. [S.l.]. 3(3). h. 62-68

¹⁶² Hairunnizam Wahid et al. (2009). *op.cit.* h. 89-112

Kemahiran amil dalam menyediakan sistem permohonan zakat yang efisien adalah berkait rapat dengan kemampuan mengumpul data asnaf yang menjadi sebahagian daripada tugas penting mereka¹⁶³. Kaedah pengumpulan data asnaf yang lengkap dan berkesan sangat penting bagi memastikan agihan yang diberikan tidak tersasar. Oleh itu, penggunaan sistem permohonan atas talian dapat menyelesaikan isu keciciran asnaf kerana ia lebih mudah dicapai bagi tujuan permohonan atau pengemaskinian maklumat asnaf. Namun, menurut Mohamad Muhaimin, terdapat banyak kes keciciran data asnaf berlaku terutama melibatkan asnaf di institusi pengajian tinggi¹⁶⁴ termasuklah di politeknik Malaysia¹⁶⁵. Isu ini tambah meruncing apabila ramai pelajar asnaf mengadu bahawa mereka berdepan prosedur permohonan yang ketat serta kesukaran mendapatkan borang permohonan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)¹⁶⁶. Oleh itu, sudah tiba masanya amil memperkenalkan kaedah permohonan zakat secara atas talian yang lebih praktikal dan mesra pengguna bagi mengelakkan isu keciciran asnaf pada masa akan datang.

Seruan untuk amil meneroka teknologi baru dalam pengurusan zakat telah dinyatakan oleh ramai pengkaji¹⁶⁷. Misalnya Mohd Faisol menyeru agar amil menyediakan laman sesawang yang lebih informatif dan kreatif serta menggunakan panduan dwibahasa bagi meningkatkan kefahaman kepada semua kaum¹⁶⁸. Selain itu,

¹⁶³ Mohammad Azam Hussain, Alias Azhar, & Muhammad Hafiz Badarulzaman. (2021). Analisis Prosedur Saringan Permohonan zakat di Negeri-Negeri Terpilih. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 22(2). h. 131

¹⁶⁴ Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki & Azman Ab Rahman. (2019). *op.cit.* h. 144

¹⁶⁵ Dicky Wiwitan Toto Ngadiman, Hairunnizam Wahid, & Mohd Ali Mohd Nor. (2016). Cadangan Melokalisasi Agihan Zakat di institusi Pengajian Tinggi: Kajian di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. Dlm. Salmy Edawati Yaacob, Ahmad Dahlan Salleh, & Lukman Samsudin. (2019). E-Prosiding Seminar Kebangsaan Emas Dalam Institusi Kewangan di Malaysia. 22 Mac 2016. Bangi: UKM

¹⁶⁶ Muhammad Adib Mohd Zaki, Mohd Ali Mohd Noor, Hairunnizam Wahid, & Muhammad Syafiq Muhammad Sham. (2020). Kesukaran Permohonan Zakat Dalam Kalangan Penduduk Flat Kos Rendah di Kawasan Parlimen Batu, Lembah Pantai dan Setiawangsa. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 14. h. 56-68

¹⁶⁷ Ibrahim Ahmed, T.A., & B. Zakaria, M.S. (2021). *op.cit.* h. 39-54; Lukman Hamdani. (2020). *op.cit.* h. 492-502; Marhanum Che Mohd Salleh dan Chowdhury, M.A.M. (2020). *op.cit.* h. 44-56; Mohd Akram Laldin dan Fares Djafri. (2019). *op.cit.* h. 283-299

¹⁶⁸ Mohd Faisol Ibrahim. (2014). Sistem Pengurusan Zakat di Malaysia: Analisis Strategi Penyebaran Maklumat Menerusi laman Sesawang. *Jurnal Pengurusan*. 42. h. 129



usaha mengemaskini statistik kutipan dan agihan secara *real time* perlu dilakukan menggunakan laman sesawang atau melalui aplikasi baharu yang lebih cepat dan mudah diakses¹⁶⁹. Kaedah pengurusan data asnaf yang lebih canggih dan pantas menggunakan teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS) juga telah dicadangkan oleh Muharman et al.¹⁷⁰. Sistem ini telah digunakan oleh pelbagai sektor awam bagi mengurus data penduduk miskin di seluruh dunia. Selain itu, tidak kurang juga gesaan supaya amil meneroka penggunaan teknologi *blockchain* dalam meningkatkan keberkesanan kutipan dan agihan zakat¹⁷¹. Seruan-seruan ini menunjukkan bahawa produktiviti amil kini perlu seiring dengan perkembangan teknologi pintar dalam revolusi perindustrian 4.0¹⁷².

Era pengkorporatan zakat bermula sekitar tahun 1991 menggalakkan amalan inovasi dan kreativiti melalui pengaplikasian teknologi maklumat yang mempercepatkan proses penyampaian kepada pelanggan¹⁷³. Penghasilan inovasi baharu oleh amil dapat menyambung kelangsungan perkhidmatan zakat serta menjadikannya relevan dengan perkembangan semasa. Namun sebahagian besar amil masih selesa mengimplementasikan sistem pengurusan secara tradisional dengan segelintir sahaja yang dilihat serius meneroka inovasi dan teknologi baru¹⁷⁴. Menurut Fauzi Muharom, isu amil yang tidak kreatif dan tidak berinisiatif telah merencatkan

¹⁶⁹ Zarkasih. (2021). Analisa Penerapan Nilai-Nilai Maqasid Syariah pada Undang-Undang No. 23 tahun 2011 Tentang Pengelolaan Zakat. Jawa Tengah: Nasya Expanding Managment. h. 86

¹⁷⁰ Muharman Lubis, Nurul Ibtisam Yaacob, Yusoff Omar, & Abdurrahman A. Dahlan. (2011). Enhancement of Zakat Distribution management System: Case Study in Malaysia. Proceeding in International Management Conference. 16-17 April 2011. Universiti Sultan Zainal Abidin.

¹⁷¹ Muhammad Nur Iqmal Khatiman, Muhammad Salikin Ismail, & Norzariyah Yahya. (2021). Blockchain-based Zakat Collection to Overcome the Truth Issues of Zakat Payers. *International Journal on Perspective and Cognitive Computing*. 7(1). h. 53-58; Najih Omar & Khairil Faizal Khairi. (2021). Zakat and Blockchain: A Review. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*. 4(2). h. 60-66

¹⁷² Mohammad Muhaimin Mohamad Zaki, Jasni Sulong, & Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani. (2020). *op.cit.* h. 1-8

¹⁷³ Ahmad Shahir Makhtar, Shofian Ahmad, Mat Noor Mat Zain, & Zaini Nasohah. (2016). Tranformasi Pengurusan Zakat dan Model Pelaksanaannya di Malaysia. Persidangan Antarabangsa Perundangan Islam, Krabi, Thailand. h. 34

¹⁷⁴ Khairul Azhar Meerangani et al (2021). *op.cit.* h. 40





usaha membela nasib asnaf¹⁷⁵. Maka tidak hairanlah, ketandusan nilai kreatif dan inovatif ini telah menyebabkan isu karenah birokrasi berpanjangan sehingga membelenggu kualiti perkhidmatan amil.

Perkembangan teknologi telah memberi kesan yang mendalam terhadap kaedah pengurusan zakat. Amil seharusnya mahir dan cekap menguasai teknologi semasa bagi memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat. Sikap amil yang culas memanfaatkan teknologi dan tidak kreatif, bukan sekadar memberi persepsi negatif terhadap profesionalisme amil malah merugikan golongan asnaf. Oleh itu, penerokaan secara mendalam terhadap amalan kompetensi kemahiran dan inovasi amil cemerlang perlu dilakukan bagi merungkai ciri-ciri kompetensi sebenar yang diperlukan.



berkemahiran sesuai dengan tugas dan peranannya. Beberapa isu yang dibincangkan di atas menunjukkan kualiti sikap dan tahap profesionalisme amil memberi kesan terhadap keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat. Justeru itu, satu kajian yang mendalam perlu dilakukan bagi menghuraikan elemen kompetensi yang perlu diterapkan ke atas amil zakat. Kajian ini amat penting dilakukan bagi menampung kekurangan yang wujud dalam literatur kerana isu-isu berkaitan kompetensi amil jarang dibincangkan secara komprehensif dalam kajian lepas. Sehubungan itu, hasil kajian ini sangat praktikal dalam meningkatkan kualiti tadbir urus zakat melalui amalan kompetensi amil di peringkat institusi zakat dan institusi wakalah zakat.

¹⁷⁵ Fauzi Muharom. (2010). Model-Model Kreatif Distribusi Zakat Berbasis Masyarakat. *Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusiaan*. 10. (1). h. 42





1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Menjelaskan konsep amil menurut fuqaha dalam pengurusan zakat.
2. Menganalisis konsep kompetensi profesionalisme amil zakat di Malaysia.
3. Mengkaji amalan kompetensi amil zakat cemerlang di politeknik Malaysia.
4. Menghasilkan model kompetensi amil zakat di politeknik Malaysia.

1.6 Persoalan Kajian


Berikut adalah soalan yang menentukan sejauh mana kajian ini memenuhi tujuan dan matlamat kajian yang menjadi dasar kepada kajian amalan kompetensi dalam kalangan amil zakat di politeknik Malaysia:

1. Bagaimanakah konsep amil menurut fuqaha dalam pengurusan zakat?
2. Apakah konsep kompetensi profesionalisme amil zakat di Malaysia?
3. Apakah amalan kompetensi amil zakat cemerlang di politeknik Malaysia?
4. Bagaimanakah model kompetensi amil zakat di politeknik Malaysia?



1.7 Kerangka Teori Kajian

Kajian ini dilakukan bagi melihat ciri serta elemen yang menjadi tunjang terhadap kompetensi amil zakat cemerlang di politeknik. Bagi mencapai tujuan tersebut, satu kerangka teori dibangunkan hasil daripada gabungan Model Kompetensi al-Attas et al.¹⁷⁶, Model Amil Zakat al-Qaradawi¹⁷⁷, dan Model Kompetensi Iceberg Spencer & Spencer¹⁷⁸. Kerangka teoritikal kajian adalah seperti dipaparkan dalam rajah 1.1 di bawah.



Rajah 1.1. Kerangka Teoritikal Kajian Pengamalan Kompetensi Amil Zakat Politeknik Malaysia. Diadaptasi daripada al-Qaradawi, 1981; Spencer & Spencer, 1993; dan, al-Attas et al., 2014.

¹⁷⁶ Al-Attas, Syed Muhammad Naquib & Wan Mohd Nor Wan Daud. (2014). The ICLIF Leadership Competency Model (LCM): An Islamic Alternative. Kuala Lumpur: IBFIM. h. 118

¹⁷⁷ Al-Qaradawi, Yusuf. (1981). *op.cit.* Jil. 2. h. 586-593

¹⁷⁸ Spencer, L. and Spencer, S. (1993). *Competence at Work: Models for Superior Performance*, Wiley. New York

Model Amil menurut al-Qaradawi boleh dirujuk dalam kitabnya, *Fiqh al-Zakāh*. Model ini dibentuk daripada kriteria pemilihan amil yang mewakili empat komponen utama iaitu keperibadian akhlak, keilmuan, kemahiran pengurusan zakat dan kemahiran konsultasi. Model komponen yang pertama, iaitu keperibadian akhlak yang merujuk kepada syarat utama amil iaitu seorang muslim yang memiliki sifat amanah serta menghindari sifat fasik dan khianat seperti melakukan taksiran zakat dengan betul, mengagihkan zakat dengan adil serta tidak mementingkan diri sendiri¹⁷⁹. Komponen kedua pula adalah merujuk kepada kewajipan amil memiliki ilmu pengetahuan khususnya berkaitan hukum-hukum zakat sehingga mereka mampu menyelesaikan masalah kutipan dan agihan dengan betul¹⁸⁰. Manakala komponen ketiga pula ialah kemahiran pengurusan zakat. Amil yang kompeten perlu memiliki kemahiran menguruskan dua tanggungjawab asas iaitu mengutip dan mengagihkan zakat berlandaskan ketetapan syarak. Kemahiran ini termasuklah kemahiran mengumpul, mengira, menyimpan, merancang serta mengagihkan harta zakat¹⁸¹. Komponen yang keempat ialah kemahiran konsultasi yang merujuk kepada kemahiran merunding, memudah cara, serta mendidik pembayar zakat, asnaf dan masyarakat bagi memastikan kewajipan zakat ini dilaksanakan dengan berkesan dan sempurna¹⁸².

Model al-Attas et al. merupakan sebuah model kompetensi umum yang menekankan kepatuhan kepada aspek syariah bagi penghasilan sesuatu tugas. Model ini digunakan secara meluas dalam kajian kompetensi pengurusan dan kepimpinan muslim di Malaysia¹⁸³. Secara asasnya terdapat lima komponen utama yang

¹⁷⁹ Al-Qaradawī, Yūsuf. (1981). *op.cit.* Jil. 2. h. 586

¹⁸⁰ *Ibid.* h. 586

¹⁸¹ *Ibid.* h. 583

¹⁸² *Ibid.* h. 593

¹⁸³ Nik Mutasim Nik Ab. Rahman, Nur Atiqah Abdullah, Khairul Akmaliah Adham & Norazila Mat. (2014). Managerial Competencies: Comparing Conventional and Islamic Perspectives. *Jurnal Pengurusan*. 41. h. 95



membentuk kompetensi individu iaitu keilmuan, kemahiran, keperibadian, inovasi dan konsultasi. Komponen keilmuan bermaksud individu yang kompeten merupakan mereka yang memiliki ilmu dan keintelektualan bagi mengenal pasti, mentakrif dan menilai sesuatu isu berdasarkan kefahaman Islam¹⁸⁴. Komponen kemahiran pula bermaksud keupayaan melaksanakan tugas dengan berkesan serta kebijaksanaan untuk bertindak dengan pragmatik ketika menangani situasi yang kompleks. Manakala komponen keperibadian pula merupakan pelaksanaan sifat peribadi yang unggul dalam pelaksanaan tugas demi mencapai keredhaan Allah SWT seperti sifat jujur, amanah, ikhlas dan belas kasihan.

Selain itu, al-Attas et al. turut menekankan tentang komponen inovasi dalam pembentukan kompetensi individu iaitu sentiasa mencari peluang, inisiatif serta meneroka kaedah baharu bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan memudahkan urusan. Manakala komponen konsultasi pula merupakan amalan perbincangan dan perundingan bagi mencapai keputusan yang betul yang dapat memandu pelaksanaan sesuatu tanggungjawab.

Model Kompetensi Iceberg Spencer & Spencer menjelaskan terdapat tiga kompetensi utama iaitu pengetahuan, kemahiran dan keperibadian. Kompetensi pengetahuan merupakan keupayaan individu menambah pengetahuan dengan berterusan bagi meningkatkan prestasi dan kualiti diri. Manakala kompetensi kemahiran inovasi pula adalah kemampuan individu untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki bagi mencipta kaedah baharu untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti sesuatu perkhidmatan. Kompetensi keperibadian

¹⁸⁴ Al-Attas, Syed Muhammad Naquib et al. (2014). *op.cit.* h. 59




pula ialah konsep sendiri, sifat dan motif seseorang individu dalam pelaksanaan tugasnya.

Kombinasi ketiga-tiga model ini adalah bersesuaian dengan ciri-ciri amil cemerlang berdasarkan pandangan ilmuan dan sarjana Islam yang diselarikan dengan pandangan sarjana kontemporari dan perkembangan semasa.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini mengguna pakai sebuah kerangka konseptual yang diubah suai berdasarkan elemen kompetensi yang disebut dalam Model Amil Zakat al-Qaradawi, Model kompetensi al-Attas et al, dan Model Kompetensi Iceberg Spencer & Spencer¹⁸⁵. Beberapa elemen kompetensi individu yang berkait rapat dengan peranan dan tugas amil menjadi asas penting kepada kecemerlangan kompetensi amil zakat di politeknik Malaysia. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual bagi kajian kompetensi amil ini.

¹⁸⁵ Al-Qaradawī, Yūsuf. (1981). *op.cit.* Jil. 2. h. 586; Spencer, L. and Spencer, S. (1993). *op.cit.* h. 54; Al-Attas, Syed Muhammad Naquib et al. (2014). *op.cit.* h. 118



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian Pengamalan Kompetensi Amil Zakat Politeknik Malaysia. Diadaptasi daripada al-Qaradawi, 1981; Spencer & Spencer, 1993; dan, Al-Attas et al., 2014.

Kerangka konseptual kajian di atas menunjukkan keseluruhan proses pelaksanaan kajian serta matlamat akhir kajian. Data dikumpul melalui proses temu bual terhadap amil zakat, ketua unit zakat politeknik, pembayar zakat, dan asnaf. Data kajian adalah berdasarkan objektif kajian, iaitu berkaitan kompetensi keperibadian, keilmuan, kemahiran pengurusan zakat, inovasi dan konsultasi. Matlamat akhir kajian ini adalah untuk merumuskan ciri pengamalan kompetensi amil zakat cemerlang politeknik di Malaysia.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian pengamalan kompetensi amil zakat politeknik ini mempunyai pelbagai kepentingan kepada pelbagai pihak. Oleh itu, kajian ini perlu dilaksanakan secara

mendalam dengan menggunakan kaedah dan teknik yang tepat untuk mendapatkan dapatan kajian. Kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat yang sangat berguna kepada pihak MAIN dalam merangka pelan pemilihan amil serta menyediakan latihan yang sesuai bagi melahirkan amil yang kompeten. Hal ini kerana amil yang kompeten sangat diperlukan bukan sekadar di peringkat institusi zakat, malah di peringkat lapangan seperti masjid, institusi pengajian tinggi, sekolah, institusi korporat, dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Hasil dapatan kajian ini juga dapat membantu politeknik dan Institusi Pengajian Tinggi yang belum mempunyai pengurusan zakat untuk merangka sebuah model sumber manusia khususnya dalam pelantikan amil baharu bagi menggerakkan sebuah unit zakat. Oleh itu, dapatan ini menyokong hasrat Kementerian Pengajian Tinggi melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 yang mengalakkan pendanaan yang berteraskan kepada zakat, wakaf dan endowmen agar IPT mampu berdikari dan berdaya saing.

Model Amil Cemerlang yang dihasilkan nanti dapat membantu pihak pengurusan politeknik untuk merancang program berbentuk pengisian dan latihan dalam perkhidmatan (LADAP) secara berfokus untuk meningkatkan kualiti dan profesionalisme amil dan pegawai zakat. Berdasarkan penelitian dan pembacaan, pengkaji mendapati belum wujud panduan atau standard khusus berkaitan aspek ilmu, sikap keperibadian dan kemahiran yang khusus mengenai amil zakat cemerlang yang boleh digunapakai oleh pihak MAIN dan politeknik. Semoga dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan oleh pihak pengurusan zakat politeknik agar terus menjalankan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan kompeten.

Hasil kajian ini juga dapat menjadi panduan khusus kepada amil zakat dalam memartabatkan profesion mereka sebagai kerjaya yang sentiasa dipandang mulia, disegani dan dihormati oleh masyarakat. Secara tidak langsung ia dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat kepada institusi ini seterusnya meningkatkan hasil pendapatan zakat setiap tahun. Amil yang kompeten akan melonjakkan kredibiliti mereka sebagai pengurus dana awam yang profesional dan berintegriti tinggi. Hal ini demikian kerana kajian ini akan meneroka dan melihat secara mendalam aspek ilmu, keperibadian serta kemahiran khusus yang dimiliki oleh amil zakat.

Sebagai kesimpulan, pengkaji sangat yakin dapatan dan hasil kajian yang berkaitan kompetensi amil zakat politeknik di Malaysia ini akan memberi impak yang positif dan bermakna kepada banyak pihak seperti MAIN, Politeknik Malaysia, asnaf, pembayar zakat dan lain-lain yang berkepentingan mengenai kajian ini.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif sahaja. Pengumpulan data dalam kajian ini hanya menggunakan kaedah temu bual sebagai alat utama mengumpul data. Manakala data sekunder yang menyokong data primer (temu bual) adalah data pemerhatian dan data analisis dokumen. Bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan data primer, maka data temu bual, data pemerhatian dan data analisis dokumen akan ditrianggulasikan antara satu sama lain. Oleh kerana kajian ini hanya melibatkan pengumpulan data kualitatif sahaja, maka beberapa batasan kajian perlu ditetapkan.



1.10.1 Responden

Kajian ini hanya melibatkan amil zakat yang sedang berkhidmat di politeknik serta diiktiraf oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sahaja. Bagi memastikan pemilihan amil adalah tepat, pengkaji membataskan kepada amil yang pernah menerima pengiktirafan cemerlang oleh institusi zakat, politeknik atau kementerian pengajian tinggi sahaja yang dipilih. Nama-nama amil yang terlibat akan disahkan oleh pihak politeknik terlebih dahulu bagi memastikan responden utama ini bebas daripada salah laku dan telah mempamerkan kecemerlangan sebagai amil. Pengkaji juga menetapkan hanya amil zakat yang telah berkhidmat lebih daripada lima tahun serta mempunyai Gred DH44 dan ke atas sahaja yang akan dikaji. Penetapan gred ini bertujuan untuk memastikan responden cukup matang dalam memberi respon terhadap soalan kajian dalam bentuk temu bual. Selain responden utama, temu bual juga akan dibuat kepada ketua unit zakat politeknik, muzakki, asnaf dan rakan sejawat yang terlibat secara langsung dengan amil bagi mendapatkan data sokongan.

1.10.2 Lokasi kajian

Kajian ini dilaksanakan di empat buah politeknik yang mempunyai unit pengurusan zakat yang diiktiraf oleh institusi zakat negeri. Politeknik-politeknik tersebut ialah Politeknik Ungku Omar (PUO) Ipoh, Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) Tanjung Malim, Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS) Jitra, Politeknik Tuanku Sultanah Bainun (PTSB) Kulim. Keempat-empat politeknik ini telah diberi kuasa oleh institusi zakat negeri masing-masing melalui perjanjian wakalah pengurusan



zakat bagi mengutip zakat harta daripada kakitangan serta mengagihkannya kepada asnaf di politeknik¹⁸⁶. Amil di politeknik yang hanya menjalankan urusan kutipan zakat fitrah sahaja tidak akan dikaji.

1.10.3 Fokus kajian

Selain batasan terhadap responden, pengkaji juga membuat batasan terhadap fokus kajian. Untuk kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada ciri kompetensi amil zakat khususnya dalam aspek kompetensi keperibadian, kompetensi pengetahuan, kompetensi kemahiran, dan kompetensi inovasi sahaja. Pengkaji hanya menerima data berkaitan ciri yang boleh dilihat, dicerap dan dimaklumkan melalui pengakuan amil serta apa yang pengkaji, ketua unit, muzakki, asnaf dan rakan sejawat boleh lihat dengan mata lendir sahaja. Pembatasan ini disebabkan oleh kemampuan dan ruang waktu pengkaji yang agak terhad.

1.11 Definisi Operasi

Bagi memudahkan perbincangan dalam kajian ini, pengkaji menggariskan beberapa definisi secara operasional dan dijelaskan dalam konteks kajian ini. Berikut adalah beberapa definisi operasi yang digunakan dalam kajian ini:

¹⁸⁶ Perjanjian Pelantikan Amil Zakat Harta Antara MAIPk dan PUO. (2012). Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak/ Politeknik Ungku Omar. h. 1; Tauliah Amil Zakat Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah Kod Daftar KLM0036. (2015). Lembaga Zakat Negeri Kedah; Perjanjian Pelantikan Amil Zakat Harta Antara MAIPk dan PSAS. (2012). Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak/ Politeknik Sultan Azlan Shah. h. 1; Tauliah Amil Zakat Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah. (2014). Lembaga Zakat Negeri Kedah

1.11.1 Kompetensi

Kompetensi merupakan elemen yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan kualiti peribadi¹⁸⁷. Mahadi dan Norliah menjelaskan kompetensi sebagai kombinasi aspek pengetahuan, ciri keperibadian perilaku yang perlu dimiliki, dan kemahiran tertentu bagi melaksanakan sesuatu tugas atau pekerjaan¹⁸⁸. Tujuan utama kompetensi adalah untuk melaksanakan sesuatu tugas dengan cekap, baik, dan berkesan serta merupakan panduan hala tuju melaksanakan sesuatu tanggungjawab.

Dalam kajian ini, kompetensi merujuk kepada kemampuan amil untuk mengamalkan dan melakukan sesuatu tugas dengan baik dan cemerlang dalam semua keadaan dan masa. Tugas tersebut adalah merangkumi aspek memelihara keperibadian, keilmuan, kemahiran, amalan inovasi dan amalan konsultasi yang dimiliki oleh amil. Kelima-lima aspek ini menepati komponen kompetensi yang ditetapkan oleh sarjana muslim dan sarjana barat seperti al-Qaradawi, al-Ghazali, al-Attas et al., Spencer, dan Van Hooser¹⁸⁹.

1.11.2 Amil

Amil merupakan orang yang bertanggungjawab untuk mengutip dan mengagihkan zakat. Al-Qaradawī menyatakan bahawa amil ialah mereka yang bertugas dalam

¹⁸⁷ Van Hooser, P. (1998). *Triangle Of Success*. Florida, USA.: Van Hooser Associates, Ocala. h. 64; Spencer, L. and Spencer, S. 1993. *op.cit.* h. 62

¹⁸⁸ Mahadi Abu Hassan & Norliah Kudus. (2006). *Kompetensi Pensyarah di dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Satu Kajian di KUTKM*. Prosiding Seminar Pencapaian Penyelidikan KUTKM. Pulau Pinang. h. 37

¹⁸⁹ Al-Qaradawī, Yūsuf. (1981). *op.cit.* h. 586-593; Al-Ghazālī, Abū Hamīd Muḥammad. (1939). *op.cit.* Jil. 3. h. 344; Van Hooser, P. (1998). *op.cit.* h. 68; Spencer, L. and Spencer, S. 1993. *op.cit.* h. 85

organisasi pengurusan zakat¹⁹⁰. Mereka termasuklah para pengutip, penyimpan, pengawal, jurutulis, jurukira yang bertugas menyemak hasil pendapatan dan perbelanjaan serta para pengagih yang bertugas mengagihkannya kepada orang yang berhak.

Amil dalam kajian ini adalah merujuk kepada amil zakat yang dilantik oleh institusi zakat yang bertugas di politeknik. Amil dalam kajian ini juga merujuk kepada amil disahkan cemerlang oleh pihak pengurusan politeknik serta mempunyai pengiktirafan cemerlang oleh institusi zakat, politeknik atau kementerian pengajian tinggi seperti menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)¹⁹¹. Selain itu, amil cemerlang dalam kajian ini adalah mereka yang telah berkhidmat sebagai amil melebihi lapan tahun dan terdiri daripada gred DH44 dan ke atas.

1.12 Metodologi Kajian

Bahagian ini menghuraikan secara terperinci aspek berkaitan pendekatan kajian, pemilihan sampel kajian, prosedur pengumpulan data, kaedah menganalisis data, kesahan dan keboleh percayaan.

¹⁹⁰ Al-Qaradawī, Yūsuf. (1981). *op.cit.* h. 588

¹⁹¹ Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2012. Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang dan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. JPA.BK(S)149/3/5

1.12.1 Pendekatan Kajian

Bentuk kajian kualitatif telah dipilih bagi memastikan persoalan yang memerlukan jawapan bersifat penerokaan secara mendalam dijawab dengan jelas dan terperinci. Pendekatan ini telah disokong oleh Ahmad Sunawari yang menyatakan bahawa kaedah kualitatif dapat digunakan untuk meneroka, memahami dan mentafsirkan kefahaman biasa kepada sesuatu yang berbeza¹⁹².

Pengkaji memilih pendekatan kualitatif sepenuhnya setelah meneliti dan memahami asas penggunaan kaedah kualitatif dalam kajian. Hal ini adalah kerana tunjang kepada reka bentuk sesuatu penyelidikan adalah pemilihan pendekatan kajian yang sesuai dan tepat¹⁹³. Para penyelidik seringkali menggunakan penyelidikan secara kualitatif untuk mencari makna dan mendalami sesuatu fenomena dengan mendalam.

Penjelasan mengenai interaksi antara manusia, tingkah laku, emosi, perasaan dan pengalaman dapat dijelaskan melalui penyelidikan kualitatif¹⁹⁴. Melalui pendekatan ini, satu gambaran yang holistik dan kompleks akan dibina supaya proses analisis perkataan dan penyediaan laporan pandangan peserta secara terperinci serta memastikan kajian penerokaan dilakukan dalam tetapan semula jadi¹⁹⁵. Hal ini bermaksud pengkaji perlu memahami makna dalam konteks semula jadi dengan menjadikan pengkaji sendiri sebagai instrumen utama penyelidikannya¹⁹⁶. Oleh kerana itu, penyelidikan kualitatif

¹⁹² Ahmad Sunawari Long. (2018). Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi: Penerbit UKM. h. 36;

¹⁹³ Falconer, D.J., & Mackay, D.R. (1999). The Key to Mix Method Dilemma. Dlm Proc. 10th Australasian Conference on Information Systems. h. 286-297

¹⁹⁴ Othman Lebar. (2018). Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode. Tanjong Malim: Penerbit UPSI. h. 64; Woods, P. (2005). Successful Writing for Qualitative Researchers. Teaching Sociology. London & New York: Taylor & Francis e-Library; Bogdan, R., & Biklen, S.K. (2007). Qualitative Research For Education: An Introduction to Theories and Methods. (4th ed.). New York: Pearson Education Group. h. 86; Stake, R. E (2010). Qualitative Research: Studying How Things Work. New York, London: The Guinford Press. h. 55

¹⁹⁵ Cresswell, J.W. (2007). Qualitative Inquiry and Reseach Design. 2nd Edition. London: Sage Publication. h. 57

¹⁹⁶ Bogdan, R., & Biklen, S.K. (2007). Qualitative Research For Education: An Introduction to Theories and Methods. (4th ed.). New York: Pearson Education Group. h. 86

telah menjadi pilihan utama pengkaji yang melakukan kajian dalam bidang sains sosial bagi meneroka dengan mencari dan membina makna sesuatu fenomena melalui pelbagai reka bentuk.

Penyelidikan kualitatif ini adalah berbentuk kajian kes. Oleh kerana kajian ini melibatkan responden lebih daripada satu politeknik, maka lebih tepat lagi kajian ini dinyatakan sebagai kajian pelbagai kes (*multiple case*). Menurut Yin, data yang dikumpul daripada pelbagai lapangan akan meningkatkan kesahan dapatan kajian¹⁹⁷.

Hakikatnya sesuatu isu atau objek yang kompleks dapat difahami secara terperinci dengan penggunaan kajian kes melalui penglibatan responden atau peserta yang kecil. Pemilihan reka bentuk kajian kes bukan sekadar penting untuk memahami sesuatu fenomena secara mendalam, malah dapat meningkatkan pengetahuan sedia ada tentang fenomena tersebut selain mengenal pasti hubungan yang wujud antara pelbagai elemen, objek serta keadaan yang tersirat berhubung fenomena tersebut¹⁹⁸.

Justeru itu, dapatlah disimpulkan bahawa pemilihan kajian kes sebagai reka bentuk kajian adalah bertujuan untuk memahami isu kritikal berkaitan sesuatu amalan secara mendalam. Selain itu, melalui kajian kes, pengetahuan dalam aspek kompetensi amil dapat diperluaskan dan dipertingkatkan lagi serta dapat memperbaiki masalah atau amalan yang dihadapi di lokasi atau situasi tertentu. Oleh itu, pola dan susunan tema dapat dirungkai dan dijelaskan dengan lebih mendalam terutama perkaitan antara

¹⁹⁷ Yin, R. K. (2011). *op.cit.* h. 25

¹⁹⁸ Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2018). Kajian Kualitatif dan Analisis Temu bual. Kuala Lumpur: Aras Publisher. h. 41; Yin, R. K. (2011). *op.cit.* h. 27


kesemua elemen dan pola yang wujud bagi memastikan kefahaman mengenai fenomena yang diselidik dapat dipertingkatkan.

1.12.2 Pemilihan Sampel Kajian

Pemilihan sampel dalam kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan. Teknik ini merujuk kepada prosedur persampelan iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih sebagai responden kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan pengkaji. Ini bermakna tidak semua sampel dalam populasi dipilih oleh pengkaji sebagai responden. Daripada empat buah politeknik yang mempunyai unit pengurusan zakat sendiri, pengkaji memilih empat orang amil zakat yang telah disahkan kecemerlangan mereka oleh pengurusan politeknik sebagai responden utama. Pemilihan empat orang amil ini adalah memadai dan mencukupi. Menurut Mohd Nasri dan Ahmad Firdaus, jumlah responden utama ini sudah memadai dan ketepuan data sudah boleh diperolehi kerana kajian kualitatif bukan memfokuskan kepada jumlah responden tetapi memfokuskan kepada aplikasi spesifikasi ciri amalan responden yang boleh mencapai tahap tepu¹⁹⁹. Selain itu, faktor keterbatasan masa pengkaji juga diambil kira kerana kajian ini merupakan kajian penerokaan dan pengkajian yang mendalam terhadap responden. Pengkaji turut memilih responden sokongan kepada responden utama yang terdiri daripada asnaf, pembayar zakat, ketua unit dan rakan sejawat yang berkaitan dengan amil. Pemilihan responden sokongan

¹⁹⁹ Mohd Nasri Abdullah. (2017). Pengamalan Kompetensi Dalam Kalangan Pensyarah Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. Universiti teknologi Malaysia; Ahmad Firdaus Mohamad Noor. (2017). Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam Politeknik Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Teknologi Malaysia

adalah seperti yang dicadangkan oleh amil sendiri. Proses pemilihan responden adalah seperti ditunjukkan dalam rajah 1.3.



Rajah 1.3. Persampelan Kajian Kompetensi Amil Zakat Politeknik Malaysia

1.12.3 Prosedur Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan empat bentuk kaedah pengumpulan data iaitu kajian perpustakaan, kaedah temu bual mendalam, pemerhatian dan analisis dokumen. Data temu bual akan dijadikan sebagai data utama dalam kajian ini. Manakala data pemerhatian dan analisis dokumen akan berfungsi sebagai data sokongan yang bertujuan untuk mengesahkan, membuktikan dan mengukuhkan lagi kebenaran data

temu bual yang dijalankan ke atas amil. Berdasarkan data-data tersebut, pengkaji akan membina tema dan seterusnya menjalankan proses triangulasi bagi tujuan penilaian dan pengukuran terhadap aspek kesahan dan kebolehpercayaan.

Dalam kajian ini, pengkaji mengumpulkan segala maklumat amalan kompetensi amil iaitu kompetensi ilmu, kompetensi keperibadian, kompetensi kemahiran dan kompetensi inovasi. Fenomena rutin harian amil di politeknik tempat mereka bertugas akan dikaji, diteliti, diterokai dan diambil. Maklumat atau data yang dikumpul bukan sahaja daripada responden utama, iaitu amil sebagai data utama tetapi juga diperolehi daripada ketua unit zakat, asnaf dan muzakki yang sentiasa berurusan dengan amil tersebut bagi data sokongan.

1.12.3.1 Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan merupakan kaedah seseorang penyelidik mengumpul data daripada bahan rujukan literatur dan kemudian membuat olahan mengikut kesesuaian tema kajian. Pengkaji telah melakukan rujukan literatur bagi memperolehi fakta-fakta sahih serta huraian dan tafsiran ayat al-Quran, hadis, pandangan ulama, fakta sejarah dan sebagainya. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat menghuraikan konsep amil, peranan dan tanggungjawabnya serta memperincikan amalan kompetensi mereka menurut perbincangan ulama dan pengkaji-pengkaji yang lain.

1.12.3.2 Pengumpulan Data Temu Bual

Temu bual yang berkesan perlu mempunyai protokol temu bual yang lengkap dan sempurna²⁰⁰. Justeru, pengkaji telah membina inventori protokol soalan temu bual untuk melihat sejauh mana persoalan dalam kajian ini dapat menjawab objektif kajian semasa proses temu bual²⁰¹. Inventori yang bersifat separa struktur ini meliputi pengenalan latar belakang responden, soalan pembukaan, soalan utama berkaitan objektif yang dikaji, dan soalan penutup.

Setelah protokol temu bual disiapkan, pengkaji menyerahkan kepada pakar bidang pengurusan zakat dan pakar penyelidikan untuk semakan, cadangan penambahbaikan, dan mengesahkan protokol temu bual tersebut²⁰².

1.12.3.3 Pengumpulan Data Pemerhatian

Pengkaji juga mengumpulkan data melalui kaedah pemerhatian. Pemerhatian bermaksud pengkaji akan melibatkan diri secara langsung dalam suasana kajian tersebut²⁰³. Pengkaji akan berinteraksi dengan responden dalam kajian bagi mengumpul data daripada mereka. Melalui kaedah ini, pengkaji boleh melihat situasi dan fenomena secara menyeluruh dalam konteks penyelidikan. Pemerhatian dengan menggunakan

²⁰⁰ Pranee Liamputtong. (2014). *Kaedah Penyelidikan Kualitatif*. Serdang: Penerbit UPM. h. 76

²⁰¹ Lihat Lampiran G Contoh Inventori Protokol Temu Bual Amil Kompeten

²⁰² Lihat Lampiran H1 dan H2 Contoh Borang Pengesahan Kandungan Instrumen oleh Pakar Rujuk

²⁰³ Ahmad Sunawari Long. (2018). *op.cit.* h. 69

peralatan perakam visual dan audio bukan sahaja mengelakkan imbasan berat sebelah malah pemerhatian juga boleh dianalisis secara berulang dan terperinci²⁰⁴.

Pengumpulan data kompetensi amil ini dibahagikan kepada dua keadaan, iaitu pemerhatian melalui penglibatan diketahui, dan penglibatan yang tidak diketahui oleh responden kajian. Ini kerana selain pemerhatian terus terhadap pengamalan kompetensi yang ditunjukkan amil, pengkaji juga membuat pemerhatian semasa proses konsultasi amil bersama asnaf dan muzakki. Data pemerhatian dalam kajian ini merupakan data untuk pengesahan, sokongan, pelengkap dan bukti kebenaran data temu bual kepada responden utama kajian. Pengkaji menyediakan borang pemerhatian dan mencatat nota lapangan bagi merekod data melalui pemerhatian tersebut.

1.12.3.4 Pengumpulan Data Analisis Dokumen

Selain pengumpulan data melalui temu bual dan pemerhatian, kajian ini akan mengumpul data melalui analisis dokumen yang berkaitan dengan objektif kajian dan responden. Dokumen adalah merujuk kepada bahan seperti fotograf, video, filem, memo, surat, diari, serta memo dalam pelbagai bentuk dan jenis yang boleh digunakan sebagai maklumat sokongan kepada temu bual dan pemerhatian²⁰⁵.

Justeru dalam kajian ini, pengkaji akan merujuk kepada apa sahaja bahan bertulis sama ada dokumen rasmi atau dokumen tidak rasmi. Dokumen rasmi seperti

²⁰⁴ *Ibid.* h. 71

²⁰⁵ Othman Lebar. (2018). *op.cit.* h. 149; Lawson, K. (2006). *The Trainer's: Handbook* (2nd Edition). San Francisco: Pfeiffer. h. 24; Shauhnessy, J.J., Zechmeister, E. B., & Zechmeister, J.S. (2012). *Research Methods In Psychology* (9th ed.). New York: McGraw-Hill. h. 64




portfolio amil, surat lantikan, rekod kutipan dan agihan zakat, surat penyertaan, fail peribadi, surat penghargaan dan bahan terbitan yang lain berkaitan secara rasmi dengan amil. Manakala dokumen tidak rasmi pula, seperti diari, surat peribadi dan lain-lain. Pengumpulan data ini akan membolehkan pengkaji membuat perbandingan, menambah dan mengukuhkan data yang diperolehi melalui temu bual.

Secara ringkasnya, terdapat tiga bentuk kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini iaitu temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Data temu bual merupakan data utama, manakala data pemerhatian dan analisis dokumen pula merupakan data sokongan. Oleh itu, tema-tema kompetensi amil akan dibentuk berdasarkan data temu bual kerana ia merupakan data utama yang boleh berdiri sendiri. Manakala data-data pemerhatian dan analisis dokumen tidak boleh dibina tema kecuali disandarkan kepada data temu bual²⁰⁶. Gambaran umum prosedur pengumpulan data kajian adalah seperti ditunjukkan dalam rajah 1.4.

²⁰⁶ Mohd Nasri Abdullah. (2017). *op.cit.* h. 271; Kamarul Azmi Jasmi. (2010). Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Malaysia: Satu Kajian Kes. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 542






Rajah 1.4. Prosedur Pengumpulan Data Kajian Kompetensi Amil Zakat Politeknik Malaysia

1.12.4 Kaedah Menganalisis data

Kajian kompetensi amil ini hanya melibatkan data yang bersifat kualitatif, iaitu data temu bual, data analisis dokumen dan data pemerhatian. Oleh itu, satu sistem pengurusan dan pentadbiran dirangka iaitu membersihkan data, memahami data, mengesan dan membina tema, membina sub tema dan sub-sub tema, menganalisis tema, mendapatkan persetujuan pakar, pembinaan jadual matrik dan paparan pola dapatan rajah pokok. Selain itu, semasa proses pembinaan tema dapatan kajian, pengkaji akan menggunakan kod tertentu (*coding*) yang dikhaskan untuk sesuatu tema

beserta dengan definisi operasional bagi memudahkan pengkaji merujuk keterangan tema yang ditetapkan. Pengkaji akan menggunakan perisian Nvivo 12.0 Pro dalam menganalisis data bagi mendapatkan tema dapatan kajian tersebut. Terdapat tiga peringkat pembinaan tema iaitu secara Koding Terbuka (*Open Coding*), Koding Kategori (*Axial Coding*), dan Koding Terpilih (*Selective Coding*). Prosedur analisis data adalah seperti ditunjukkan dalam rajah 1.5.



Rajah 1.5. Prosedur Analisis Data Kajian Kompetensi Amil Zakat Politeknik Malaysia

Satu set borang persetujuan pakar terhadap tema data diedarkan kepada tiga orang pakar bidang pengurusan zakat dan pakar penyelidikan²⁰⁷. Senarai pakar-pakar tersebut adalah seperti yang terdapat dalam jadual 1.1²⁰⁸. Seterusnya dapatan borang persetujuan pakar tersebut dianalisis bagi menentukan indeksinya menggunakan formula *Cohen Kappa*.

²⁰⁷ Lihat Lampiran L Contoh Pengesahan dan Persetujuan Pakar Terhadap Tema Data Kualitatif

²⁰⁸ Lihat Lampiran K Contoh Surat Pelantikan Pakar Penilai Pengesahan Instrumen Kajian

Jadual 1.1

Senarai Pakar Bidang dan Pakar Kualitatif bagi Analisis Persetujuan Tema

Bil	Nama	Institusi	Jawatan & Kelayakan	Kepakaran	Tahap (Cohen kappa)
1.	Pakar A	Universiti Sains Islam Malaysia	Profesor, Dr	Pengurusan Zakat, Penyelidikan	0.96
2.	Pakar B	Universiti Sains Islam Malaysia	Profesor, Dr	Pengajian Islam, Penyelidikan	0.95
3.	Pakar C	Universiti Teknologi Mara	Pensyarah Kanan, Dr	Pengajian Islam, Penyelidikan	0.94
Purata Keseluruhan Nilai Cohen Kappa					0.95

Jadual 1.1 menunjukkan ketiga-tiga orang pakar sangat bersetuju dengan pembinaan tema yang dilakukan oleh pengkaji iaitu mencapai lebih 0.90. Sungguhpun begitu, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang dicadangkan oleh pakar seperti menyarankan nama-nama tema lain yang sesuai serta menambah beberapa sub-sub tema selain apa yang dilakukan oleh pengkaji. Semua cadangan tersebut telah diambil kira dan ditambah baik dalam penyelidikan ini.

1.12.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan dalam kajian kualitatif boleh dikaitkan dengan sama ada dapatan kajian adalah benar, pasti, berkualiti, dipercayai dan tepat. Pengkaji telah memastikan kesahan dalaman iaitu kesepadanan antara dapatan kajian dengan realiti adalah dipatuhi dengan memberi perhatian terhadap ancaman ketidaktepatan atau ketidaklengkapan data melalui kesahan deskriptif²⁰⁹. Selain itu, pengkaji amat menekankan kerangka atau

²⁰⁹ Othman Lebar. (2018). *op.cit* h. 149; Merriam, S. B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub

makna pengkaji sendiri serta bukan terhadap perspektif orang yang dikaji serta makna yang diberikan kepada perkataan dan tindakan mereka melalui aspek kesahan interpretasi. Malah pengkaji turut memastikan kesahan teoritikal dan kesahan generalisasi dipatuhi dengan memberi perhatian kepada data yang tidak sesuai dan memastikan generalisasi dalam latar atau kumpulan kajian boleh dibuat.

Dalam kajian ini juga, pengkaji akan memastikan kesahan luaran juga dipatuhi. Kesahan luaran bermaksud sejauh mana dapatan kajian dapat digunakan dalam situasi yang lain²¹⁰. Bagi memastikan aspek kesahan luaran dipatuhi, pengkaji merujuk strategi yang dicadangkan oleh Lebar dan Yin iaitu menyediakan deskripsi yang mencukupi bagi membolehkan pembaca menentukan sejauh mana rapatnya situasi mereka dengan situasi yang dilaporkan dalam kajian²¹¹. Bagi mencapai maksud tersebut, pengkaji mengambil masa yang lama dan mencukupi, bagi memastikan data yang diperolehi adalah tepu untuk menghuraikan secara jelas akan fenomena yang dikaji.

Aspek kebolehpercayaan dalam kajian kompetensi amil ini juga akan diberi perhatian oleh pengkaji. Justeru, dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan teknik yang disarankan oleh Lebar, Pranee dan Yin iaitu pertama, pengkaji akan menerangkan asas pemilihan responden dan deskripsi serta konteks sosial dimana data dikumpul tidak bias²¹². Kedua ialah aspek triangulasi, iaitu menggunakan pelbagai kaedah pengumpulan data dan menganalisis data. Ketiga, pengkaji akan menjelaskan secara terperinci bagaimana data dikumpul, kategori dibentuk dan bagaimana keputusan diambil sepanjang kajian dilaksanakan.

²¹⁰ Othman Lebar. (2018). *ibid.* h. 149

²¹¹ *Ibid.* h. 149; Yin, R. K. (2011). *op.cit.* h. 25

²¹² Othman Lebar. (2018). *ibid.* h. 149; Pranee Liamputtong. (2014). *op.cit.* h. 76; Yin, R. K. (2011). *op.cit.* h. 25



Seterusnya, pengkaji telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan data yang diperoleh adalah sangat bermakna dan disahkan melalui penyemakan pemerhatian daripada pelbagai sumber data yang lain. Di antara langkah-langkah tersebut ialah pengkaji melakukan kajian rintis, triangulasi data, nota lapangan dan rujukan diari, pengesahan responden terhadap data temu bual, serta mendapatkan pengesahan pakar.

1.12.5.1 Kajian Rintis

Pelaksanaan kajian rintis sebelum kajian sebenar dijalankan merupakan usaha awal untuk memastikan hasil dapatan adalah sah dan boleh dipercayai. Bagi kajian ini, pengkaji telah menyediakan set inventori soalan separa struktur dan senarai semak untuk disahkan oleh penyelia. Sesi kajian rintis telah dilakukan pada 6 Mac 2020 hingga 13 Mac 2020 di Pejabat Operasi Unit Zakat dan Wakaf, Politeknik Ungku Omar. Pengkaji menjalankan empat sesi temu bual iaitu, bersama Ketua Unit Zakat dan Wakaf, Amil, Pembayar Zakat dan Asnaf. Hasil dapatan kajian ini telah dikumpul dan dianalisis menggunakan perisian Nvivo 12 Pro dan menunjukkan semua responden memahami soalan yang telah dikemukakan oleh pengkaji serta mampu menghasilkan jawapan yang menepati objektif kajian.



1.12.5.2 Triangulasi Data

Kaedah triangulasi data merupakan salah satu cara bagi memastikan data kualitatif mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi²¹³. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini telah melalui beberapa kaedah triangulasi seperti triangulasi kajian pelbagai lapangan, triangulasi antara data temu bual amil dengan data temu bual responden sokongan yang lain dan triangulasi antara data temu bual dengan data pemerhatian dan analisis dokumen.

1.12.5.3 Nota Lapangan dan Diari Pengkaji

Kaedah mencatat dan merekod semua aktiviti semasa proses pengumpulan data di lapangan juga boleh mempengaruhi tahap kebolehpercayaan sesuatu kajian kualitatif²¹⁴. Pengkaji telah mencatat dan merekod semua bukti pelaksanaan pengumpulan data seperti temu janji, temu bual rasmi dan tidak rasmi, pemerhatian langsung dan tidak langsung, dan pengumpulan data-data dokumen dalam nota lapangan (*field note*)²¹⁵. Ia meliputi maklumat mengenai tarikh, masa, tempat, hari, serta catatan aktiviti pengumpulan data yang telah dilaksanakan.

Selain itu, pengkaji juga mengambil inisiatif tambahan dengan menyediakan diari pengkaji yang merupakan sebuah buku catatan kecil untuk mencatat setiap

²¹³ Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2018). *op.cit.* h. 82; Cresswell, J. W. (2007). *op.cit.* h. 87

²¹⁴ Bogdan, R., & Biklen, S.K. (2007). *op.cit.* h. 86

²¹⁵ Lihat Lampiran N

perjalanan pengkaji sebelum dan semasa di lapangan²¹⁶. Ia sangat bermanfaat untuk pengkaji menyusun proses pelaksanaan kajian dengan teratur dan sistematik.

1.12.5.4 Pengesahan Responden Terhadap Data Temu Bual

Pengesahan responden terhadap data temu bual juga penting dalam meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data utama²¹⁷. Salinan hasil transkrip daripada rakaman suara responden telah diserahkan kepada responden untuk dibaca, disemak dan disahkan. Para responden juga dialu-alukan untuk membetulkan kesilapan fakta atau ejaan yang terdapat di dalam salinan tersebut sehingga mereka berpuas hati. Seterusnya, responden menandatangani borang pengesahan teks transkrip yang disediakan oleh pengkaji.

1.12.5.5 Pengesahan Pakar Terhadap Tema Melalui Cohen Kappa

Semua data temu bual, pemerhatian, analisis dokumen, nota lapangan, dan diari pengkaji yang telah diproses akan dikumpul dan dihantar kepada pakar untuk disemak dan disahkan. Menurut Cohen L dan Manion L, langkah ini amat penting kerana pakar merupakan orang luar yang tidak terlibat dengan kajian serta mampu menilai kesesuaian tema yang telah ditetapkan oleh pengkaji²¹⁸. Hasilnya seramai tiga orang pakar kualitatif dalam bidang pengurusan zakat yang dilantik mendapati pembinaan

²¹⁶ Lihat Lampiran M

²¹⁷ Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2018). *op.cit.* h. 94

²¹⁸ Cohen L, Manion L, M.K. (2000). *Research Methods*. New York: Routledge. h. 81

tema oleh pengkaji ini mencapai tahap pengukuran Cohen Kappa pada tahap melebihi 9.0 (sangat tinggi) seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.2 di bawah²¹⁹.

Jadual 1.2

Indikator Tahap Persetujuan Cohen Kappa

Tahap Indikator	Nilai Cohen Kappa
Sangat Tinggi	0.90 <
Tinggi	0.89 – 0.70
Sederhana	0.69 – 0.30
Rendah	0.30 >

Sumber daripada Cohen L, & Manion L, M.K., 2000.

1.13 Rumusan

Secara keseluruhan, bab ini membincangkan pendahuluan, latar belakang, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasi kajian, batasan kajian dan kepentingan kajian. Perbincangan bab ini memberi maklumat awal dan gambaran berkaitan dengan kajian selain memudahkan kefahaman terhadap penggunaan istilah yang terdapat dalam kajian ini. Berdasarkan aspek yang dibincangkan dalam bab ini, kajian kompetensi amil zakat di politeknik malaysia sangat relevan dan tepat pada masanya. Hasil kajian ini dapat memberi impak yang positif dan bermakna kepada banyak pihak seperti KPT, MAIN, Politeknik Malaysia dan institusi pendidikan yang lain.

²¹⁹ Denzin, N.K. (2011). The SAGE Handbook of Qualitative Research (3rd ed). Thousand Oaks: Sage Publication. h. 231